

Jilid I
Bil. 78



Hari Jumaat
30hb Oktober, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12961]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 13010]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 13010]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar),

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

„ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (AIOf Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., p.i.s. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., p.p.r. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.MJ., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHEN (Tawau).
- „ **TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).**
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betonlg).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.-M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
,, TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI. D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
TUAN MOHAMED TAWPIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
DATO' HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LAITFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
DAHJK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M.,
'S.P.N.S. (Kota Tinggi).
Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang).
TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
 DAIUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
 DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 TUAN P. PATTO (Ipoh).
 TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
 DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
 A.M.N. (Saratok).
 TUAN PITIING BIN HAJI MOHD. Au (Kinabatangan).
 DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
 DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
 S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
 DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
 Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
 S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
 P.J.K. (Tasik Chenderoh).
 DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
 TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
 PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
 S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
 TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
 TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
 DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
 TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
 TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
 TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 DR TING CHEW PEH (Gopeng).
 TUAN TING LINC. KIEW (Bintulu).
 TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
 Puteh).
 DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

.. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P- (Sik).

.. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

.. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

.. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Jutiah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 30hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

HOSPITAL DAERAH KAPIT—
PENAMBAHAN WAD

1. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kementerian akan memberi kewangan untuk penambahan wad-wad dan blok bangunan untuk Hospital Kapit kerana buat masa sekarang hospital ini sangat penuh sesak dan ruang wad-wadnya tidak dapat untuk menampung pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk projek menambah wad dan ruang pentadbiran bagi Hospital Daerah Kapit telahpun diluluskan untuk mula pembinaannya pada tahun 1988. Projek ini akan menambah sejumlah 28 buah katil kepada hospital ini dan akan mengurangkan keadaan kesesakan wad yang sedang dialami.

Di samping itu, ruang pentadbiran baru yang akan dibina akan dapat meningkatkan lagi prestasi Bahagian Pentadbiran dengan tersedianya ruang-ruang yang selesa untuk kakitangannya.

Perbelanjaan untuk kerja-kerja ini adalah dianggarkan sedikit lebih dari \$1 juta.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan peruntukan bagi hospital-hospital kawasan Kapit dan juga kawasan luar bandar. Saya hendak bertanya satu soalan sahaja. Hospital Kapit sedang diusahakan untuk diperbaiki. Hospital Simunjan macam mana keadaan sekarang?

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta notis untuk jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan O. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan. Tambah perkataan "dan tidak" sebelum perkataan "boleh" di baris 5.

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua.

VIENNA CONVENTION ON DRUG
ABUSE

2. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan bahawa dalam "Vienna Convention on Drug Abuse" yang lalu kita dapati banyak negara-negara yang menyokong Malaysia dalam aspek hukuman yang dijatuhkan kepada pengedar najis dadah, padahal negara-negara itu mempunyai undang-undang berlainan dan tidak boleh bertindak seperti Malaysia, dan kalau tidak

adakah cadangan-cadangan seperti hukum gantung itu diterima oleh majoriti negara-negara berkenaan dengan mengubahsuai undang-undang mereka bagi membanteras najis dadah.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mendapat izin menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kemungkinan Vienna Convention on Drug Abuse yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut ialah sebenarnya Persidangan Antarabangsa Mengenai Penagihan dan Pengedaran Dadah atau, dengan izin, International Conference on Drug Abuse and Illicit Trafficking (ICDAIT), sebagai pendeknya dan persidangan tersebut adalah satu persidangan antarabangsa peringkat menteri mengenai dadah yang julung kalinya diadakan dan telahpun berlangsung pada 17hb hingga 26hb Jun, 1987 di Vienna, Austria. Sebanyak 139 buah negara telah mengambil bahagian.

Pendirian dan tindakan tegas yang diambil oleh Malaysia dalam memerangi wabak dadah telah mendapat sanjungan sokongan kebanyakan negara di dunia. Ini dapat dilihat melalui persetujuan negara-negara tersebut semasa persidangan di mana mereka telah menyuarakan persetujuan bahawa kesalahan pengedaran dadah adalah satu jenayah yang boleh mengancam kehidupan manusia dan keselamatan negara dan perlu diberikan hukuman yang seberat-beratnya seperti tercatat dalam Garispanduan Komprehensif dan pelbagai Disiplin bagi tindakan masa hadapan bagi pengawalan penggunaan dadah

atau dengan izin Comprehensive Multi-disciplinary Outline (CMO) of future Activities in Drug Abuse Control. Bagi Malaysia tidak ada hukuman yang berat selain daripada hukuman mati, setimpal dengan jenayah kejam yang dilakukan oleh pengedar-pengedar dadah yang akibat kegiatan mereka membunuh belia-belia kita.

Tafsiran hukuman berat bergantung kepada prinsip dan falsafah negara tertentu. Kebanyakan negara mempunyai falsafah yang berlainan dalam menentukan apakah bentuk hukuman yang paling berat sesuai dengan negara mereka. Atas perbezaan prinsip dan falsafah inilah yang membuatkan kebanyakan negara tidak mengenakan hukuman mati walaupun pada asasnya mereka menyokong hukuman tersebut dikenakan. Di antara prinsip dan falsafah ini termasuklah keadilan sejagat, kebebasan dan hak-hak asasi yang meluas diperjuangkan di negara-negara Barat serta keparahan masalah dadah di sesebuah negara berkenaan.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebanyak 131 buah negara yang menghadiri persidangan sebagaimana apa yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi. Dalam perundingan itu, adakah tidak telah mengambil keputusan negara-negara itu diharamkan menanam pokok-pokok seperti pokok ganja, candu dan sebagainya?

Yang kedua, 131 buah negara bahawa menunjukkan negara-negara yang ada mempunyai masalah-masalah dadah. Jika persetujuan ini dicapai memberi erti bahawa dadah akan tidak timbul lagi dalam seluruh dunia. Apakah satu kesimpulan yang dibuat oleh ahli-ahli ini dalam mesyuarat yang begitu besar untuk melenyapkan dadah ke seluruh dunia. Ada atau tidak pencapaian kesimpulan dalam perbincangan itu?

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk membetulkan Yang Berhormat tadi, sebenarnya 139 buah negara yang hadir, bukan 131.

Bagi soalan yang pertama tentang adakah pengharaman tanaman pokok-pokok ganja, popi dan sebagainya dibuat oleh negara tertentu memang perkara ini merupakan satu perkara yang pokok dibincangkan oleh negara-negara yang bersidang dalam persidangan ICDAIT di Vienna tempoh hari. Tetapi malangnya undang-undang tiap-tiap negara itu adalah hak mutlak negara yang berkenaan. Mana-mana kuasa di persidangan antarabangsa tidak boleh memaksa mana-mana negara untuk menghapuskan sama sekali tanaman pokok-pokok tertentu. Cuma pihak persidangan membincangkannya dan mencari jalan keluar daripada masalah penanaman pokok ganja, popi dan sebagainya dan jalan keluarnya ialah untuk mengadakan tanaman substitute ataupun tanaman yang menggantikan tanaman-tanaman yang sedemikian supaya petani-petani yang mendapatkan hasil daripada tanaman pokok-pokok yang membawa faedah dapat pula diberi bantuan untuk menanara bahan-bahan yang lain untuk menjamin pendapatan mereka. Ini mendapat persetujuan umum dan cara untuk mengatasinya ialah hendak diadakan berperingkat-peringkat.

Yang kedua, tentang usaha untuk melenyapkan soal dadah pada keseluruhannya, memang inilah matlamat ' mengapa persidangan tersebut dipanggil di peringkat antarabangsa yang julung-julung kali diadakan oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu. Itu satu masalah yang besar, yang luas dan mungkin perlu mengambil masa yang panjang. Tetapi sekurang-kurangnya persidangan tersebut telah dapat memberikan tekanan yang begitu penting, yang begitu berat kepada negara-negara

antarabangsa tentang masalah dadah, agar dapat tiap-tiap negara menggubalkan undang-undang, mengambil langkah-langkah tertentu bagi menghapuskan langsung sama sekali masalah dadah. Tetapi ini satu masalah yang memerlukan masa dan kerjasama dari semua negara. Itu sebab mengapa persidangan antarabangsa diadakan. Sebab kita telahpun sedar bahawa sebuah negara sendiri tidak dapat menghapuskan masalah itu dengan sendiri, ia memerlukan kerjasama negara-negara yang berjiran dan juga negara-negara di seluruh dunia.

Insyaa Allah, dengan adanya fahaman dan dengan adanya tekanan yang begitu kuat yang disedari oleh semua pihak yang tertentu, masalah ini akan dapat dihapuskan pada satu masa kelak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan yang mulia ini sejauh mana usul-usul ataupun garis panduan comprehensive pelbagai disiplin ini yang telah diluluskan di konvensi di Geneva ini telah dapat dilaksanakan oleh negara-negara yang terlibat dalam konvensi itu dan disamping itu bolehkah juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu sejauh mana peranan negara Malaysia dalam membanteras masalah penyalahgunaan dan pengedaran dadah itu dapat difahamkan dan dihargai oleh negara-negara asing.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu akan saya jawab bila saya menjawab Soalan No. 14 pada hari ini.

Yang kedua, tentang peranan Malaysia dalam Persidangan Antarabangsa Dadah ini, Yang Berhormat sedia maklura Malaysia memang memainkan peranan yang

mungkin paling penting dalam persidangan tersebut. Bukan sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dilantik sebagai Presiden persidangan tersebut malah dalam segala kertas kerja, segala dasar dan deklarasi politik yang dirumuskan dan dibincangkan dalam persidangan itu pihak Malaysia telahpun memainkan peranan yang penting. Selepas itu pihak Malaysia tidak pula ketinggalan bagi memainkan peranan untuk membuat susulan daripada perkara-perkara yang telahpun diputuskan dalam persidangan tersebut.

HARGA GETAH DAN KELAPA SAWIT

3. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan adakah benar harga getah dan kelapa sawit yang dibeli oleh pihak FELDA lebih rendah dibandingkan dengan harga yang dibeli oleh pihak swasta. Jika benar apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi perkara ini bagi mententeramkan keadaan yang dihadapi oleh peserta-peserta di rancangan.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd, Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat untuk mengatakan bahawa harga getah dan kelapa sawit yang dibeli oleh FELDA lebih rendah jika dibandingkan dengan harga yang dibeli oleh pihak swasta. Harga buah sawit yang dibayar kepada peserta-peserta rancangan sawit FELDA adalah diasaskan kepada harga jualan semasa minyak sawit mentah dan minyak sawit bertapis oleh FELDA. Manakala harga getah pula adalah berdasarkan kepada harga purata bulanan dari Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia. Pada masa yang lepas ada kalanya harga buah sawit FELDA adalah lebih tinggi dan

ada juga kalanya lebih rendah dari harga pengilang-pengilang swasta. Sebenarnya dalam perusahaan sawit di negara kita terdapat ramai pengilang-pengilang swasta. Harga mereka berbeza di antara satu sama lain mengikut kawasan dan masa. Kilang-kilang di kawasan yang sama pun memberi harga yang berbeza bahkan kilang yang sama pun membezakan harga mereka mengikut minggu dan juga hari. Di hari-hari atau minggu tertentu harga pengilang-pengilang swasta ini mungkin lebih tinggi dari harga yang ditawarkan oleh FELDA kerana harga FELDA ditentukan sebulan sekali. Kemungkinan juga harga tinggi di hari-hari tertentu atau minggu tertentu iniih yang digunakan sebagai asas perbandingan.

Kini harga buah sawit yang dibayar kepada peserta-peserta adalah diasaskan kepada harga bulanan minyak sawit Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit ataupun PORLA dan tidak lagi berasaskan harga jualan semasa minyak sawit mentah dan minyak bertapis oleh FELDA. Ini bermakna harga buah sawit yang dibayar oleh FELDA kepada peserta-peserta adalah sama dengan harga PORLA bila-bila masapun.

Harga susu getah dan sekerap yang dibayar oleh FELDA kepada peserta-peserta rancangan-rancangan Getah adalah diasaskan kepada harga purata bulanan dari Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia. Dengan itu harga yang dibayar adalah setanding dengan harga belian pihak swasta.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Unit Pemasaran RISDA masih berfungsi dan sejauh mana Unit Pemasaran RISDA ini memainkan peranan untuk menstabilkan harga

getah yang dibeli melalui koperasi-koperasi pekebun kecil ataupun pekebun-pekebun kecil itu sendiri yang boleh dijual secara bebas.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Unit Pemasaran FELDA masih berfungsi dan kita sedang meneliti akan cara-cara untuk memperbaiki lagi kaedah-kaedah urusan pemasaran getah di negara kita ini keseluruhannya yang berkaitan dengan RISDA dan salah satu daripada matlamat kita ialah untuk melihat supaya koperasi-koperasi yang dianggotai dan dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil kita akan dapat ditingkatkan lagi penyertaan dan penglibatan mereka di dalam urusan pemasaran getah.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberi sebab-sebab mengapa harga bulanan kelapa sawit digunakan sebagai asas, dan adakah benar harga itu dibayar mengikut potongan ataupun pungutan buah-buah kelapa sawit ini, kalau tidak begitu masak dibayar dengan lebih rendah dan sebagainya.

Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, sekarang ini kita ambil harga bulanan yang dikeluarkan oleh PORLA sebagai asas untuk memastikan kadar harga yang hendak diberi kepada peserta-peserta. Sebelum daripada itu memang betul FELDA memberikan kadar harga kepada peneroka-peneroka selepas kita merekodkan harga pada tiap-tiap hari yang kita jual dan daripada harga itu kita dapatkan satu harga purata bulanan, dan kita perhatikan sistem ini ataupun cara ini telah menimbulkan kekeliruan sedikit di kalangan peserta-peserta. Itu sebabnya sekarang ini kita cuba etakkan kekeliruan yang ada dengan cara kita mengambil kadar harga yang ditentukan oleh PORLA. Memang betul dalam penentuan kadar

ini pun ada beberapa potongan yang dikenakan ke atas peneroka-peneroka.

Saya sukacita memaklumkan iaitu pihak Kementerian telah pun meneliti akan potongan-potongan yang berkenaan dan di mana yang kita fikirkan wajar kita akan cuba sama ada mengurangkan ataupun mengeluarkan langsung potongan-potongan yang dikenakan itu dengan harapan peneroka-peneroka FELDA kita akan mendapat satu kadar harga yang lebih munasabah di masa-masa yang akan datang.

KEJASAMA PERIKANAN DI LAUT DALAM MALAYSIA-THAILAND

4. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertanian menyatakan projek kerjasama Penangkapan Ikan Laut Dalam dengan Thailand telah lancarkan, berapa banyak modal telah dilaburkan. Dari jumlah tersebut sebanyak mana modal yang dilaburkan oleh Persatuan-persatuan Nelayan dan sebanyak mana yang dilabur oleh nelayan perseorangan. Selain dari itu berapa ramai bilangan nelayan Malaysia dan Thailand yang terlibat.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, projek kerjasama perikanan di laut dalam adalah melibatkan sebuah syarikat persendirian yang diperbadankan di Malaysia. Syarikat tersebut ialah Syarikat K & I Industries (M) Sdn. Bhd. yang mana tujuan utama penubuhan syarikat ini adalah termasuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan dilaut dalam, memproses hasil tangkapan, memborong ikan, mengeksport dan mengimport ikan dan sebagainya.

Difahamkan selanjutnya bahawa syarikat tersebut akan memberi peluang kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan lain-lain

syarikat yang sesuai untuk melabur dan melibatkan diri secara cergas di dalam usaha kerjasama penangkapan ikan di laut dalam di perairan Malaysia. Kerajaan memanglah menggalakkan lebih ramai lagi nelayan-nelayan Malaysia untuk melibatkan diri di dalam usaha penangkapan ikan di laut dalam, Namun demikian, hingga sekarang hanya terdapat 50 orang sahaja nelayan Malaysia yang terlibat di dalam projek kerjasama tersebut, manakala nelayan Thai yang terlibat ialah sejumlah 1400 orang.

Memandang kepada laut Malaysia yang luas dan kaya dengan sumber-sumber perikanan, Kerajaan telah mengadakan berbagai insentif dan program untuk menarik lebih ramai lagi nelayan-nelayan tempatan untuk mengeksploitasi sumber-sumber tersebut bagi punca pekerjaan dan sumbangan kepada ekonomi negara.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi nelayan-nelayan menangkap ikan di laut dalam, banyak lesen-lesen telah pun diberi untuk membina bot-bot yang besar-besar untuk penangkapan ikan di laut dalam ini.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah dasar Kerajaan kelak apabila banyak kumpulan-kumpulan ataupun kelompok-kelompok nelayan-nelayan yang akan menerokai laut dalam bersama-sama dengan Syarikat K & I Industries (M) Sdn. Bhd. yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sama ada Kerajaan akan menetapkan kawasan-kawasan penangkapan ikan bagi satu-satu kumpulan ataupun memberi kawasan-kawasan konsesi seperti yang telah diberi kepada syarikat-syarikat minyak untuk

mencarigali minyak di kawasan perairan Malaysia.

Soalan yang kedua,. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya nyatakan di sini bahawa hingga 1991, kita hanya akan mengeluarkan lesen sejumlah 646. Kita percaya ini adalah sesuai dengan jangkaan ikan yang wujud pada masa ini. Walau bagaimanapun, kita akan mengkaji dari masa ke semasa.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana terdapat terlalu sedikit sangat penyertaan nelayan-nelayan Malaysia kalau dibandingkan dengan penyertaan nelayan-nelayan daripada Thailand dan apakah sebabnya maka bilangannya terlalu kecil. Adakah rancangan ini dijalankan secara bisik-bisik, maka bilangan penyertaannya terlalu kecil ataupun tidak diberitahu langsung secara keseluruhannya. Pada kebiasaannya kita berkempen ke sana ke mari untuk menarik minat nelayan ataupun rakyat negara ini bagi menyertai satu rancangan yang besar, yang boleh memberi faedah yang besar kepada rakyat.

Yang kedua, adakah dengan penyusunan kerjasama penangkapan ikan laut dalam, nelayan Malaysia dengan nelayan Thailand ini sudah dapat mengurangkan pencerobohan haram nelayan-nelayan Thailand yang masih berlaku di negara kita dan kalau ianya masih berlaku, adakah ini merupakan satu

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran): Cukup Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:
 . . . satu kegagalan. Cukup Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:
 Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebagaimana saya nyatakan sekejap tadi 50 orang daripada nelayan kita melibatkan diri di dalam syarikat yang tersebut. Ini bukanlah merupakan satu masalah kita, kita telah memberitahu, pendek kata, kita telah menyatakan kepada umum dan kita juga telah menjemput mereka untuk melibatkan diri dalam kegiatan ini, malangnya tidak ramai yang tampil ke depan. Inilah yang menjadi masalah. Oleh sebab itulah sebagaimana yang saya nyatakan tadi, kita terpaksa mengambil nelayan Thailand lebih ramai daripada nelayan kita supaya dapat kita mengendalikan usaha yang saya sebutkan tadi, dengan sempurna.

Yang kedua, berhubung dengan pencerobohan. Pencerobohan pada hari ini, suka saya nyatakan, memang berlaku. Walau bagaimana sekalipun, kita tidak akan bertolak-ansur, kita akan bertindak tegas. Hari ini kita sedang memperhebatkan rondaan kita dengan menggunakan Polis Merin, TLDM, Jabatan Perikanan dengan bantuan Unit Udara Polis, Unit Udara Perikanan sendiri dan TUDM.

Setakat bermulanya operasi penangkapan ikan tuna di laut dalam yang dikendalikan oleh Syarikat K & I Industries (M) Sdn. Bhd., kita telah berjaya menangkap 4 buah bot Siam, 2 buah pada 24hb Oktober, 1987 dan 2 buah lagi pada 28hb Oktober, 1987 dan nama-nama bot-bot yang ditangkap pada 28hb Oktober, 1987 itu adalah Pokjanajai dan Sothalini yang nombor-nombornya ada bersama-sama saya. Jadi ini memberi pengertian bahawa kita bertindak tegas, kita tidak sekali-kali akan bertolak-ansur.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA— PRESTASI PENERBIT

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rancangan secara keseluruhan Kementerian untuk memperbaiki imej Dewan Bahasa dan Pustaka yang selama ini dikenali sebagai penerbit yang paling lembab dan apakah kelemahan-kelemahan DBP yang telah dikenalpasti untuk diambil langkah segera bagi mengatasinya.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil langkah-langkah positif bagi meningkatkan lagi prestasinya sebagai penerbit utama buku-buku Bahasa Malaysia. Umpamanya bitangan judul buku pengajian tinggi sama ada buku terjemahan atau buku karya asli yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dari tahun 1975 hingga 1986 ialah sebanyak 380 judul, tetapi bilangan judul yang diterbitkan dari tahun 1986 hingga 1987 telah meningkat kepada 121 judul.

Di antara sebab kelewatan menerbitkan beberapa buku pengajian tinggi, ialah kelemahan mutu terjemahan, kelemahan bahasa dan keseluruhan penulisan yang terdapat pada manuskrip-manuskrip yang dikirimkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga kelemahan-kelemahan editor. Kelemahan ini terpaksa dibetulkan oleh DBP sebelum manuskrip itu dapat diterbitkan.

Antara langkah yang telah dan sedang diambil oleh DBP ialah:

- (i) -meningkatkan kepakaran editor dalam kerja-kerja penyuntingan dan penterjemahan?;
- (ii) membina kepakaran penulis dan penterjemah yang bakal dan sedia ada dan membimbing

mereka cara-cara teknik penulisan dan penterjemahan; dan

- (iii) meningkatkan pengetahuan dan kecekapan penggunaan bahasa yang baik di kalangan penulis dan penterjemah.

Dengan langkah-langkah yang telah diambil ini, adalah diharapkan agar kelewatan DBP menerbitkan buku-buku terutamanya buku-buku pengajian tinggi dapat diatasi. Pihak Lembaga Pengelola dan Pengurusan DBP juga telah diminta untuk mengkaji keseluruhan organisasi DBP dengan maksud memperkukuhkan jentera serta meningkatkan prestasi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka tidak begitu popular sekali di sekolah-sekolah menengah kita dan di pusat-pusat pengajian tinggi, dan kalau Yang Berhormat sedar keadaan itu, apakah suatu tindakan yang boleh mempengaruhi semua sekolah-sekolah menengah di negara kita dan pusat-pusat pengajian tinggi menggunakan penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka banyak digunakan di peringkat pengajian tinggi dan juga di sekolah-sekolah menengah. Soal popular atau tidak itu sukar diukur kerana Dewan Bahasa dan Pustaka tidak diminta bertanding dalam mana-mana pertandingan termasuk pilihanraya.

Walau bagaimanapun, eloklah saya tegaskan seperti mana yang telah saya jelaskan tadi langkah-langkah memang sedia diambil untuk memperbaiki sama ada pengurusan

dan juga meningkatkan prestasi keseluruhan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyedari satu kejadian di mana sebuah manuskrip yang dihantar oleh seorang pensyarah dari UKM kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk diterbitkan dan manuskrip itu hilang semasa dalam tangan penilai luar dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh DBP untuk memastikan kejadian itu tidak berulang lagi?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat aduan mengenai manuskrip yang hilang tetapi telah disemak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan mendapati bahawa aduan itu tidak benar. Saya akan berbesar hati sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan nama pengarang yang dimaksudkan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat menganggap bahawa usaha untuk menterjemah buku-buku ini memadai masa sekarang dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk menubuhkan satu pusat lagi untuk penterjemahan khasnya?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa langkah-langkah dan kerja-kerja penterjemahan buku-buku asing ke Bahasa Malaysia tidak mencukupi. Dewan Bahasa dan Pustaka telahpun mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi meningkatkan lagi jumlah buku-buku yang bakal diterjemah ke dalam Bahasa Malaysia.

Mengenai cadangan pusat atau institusi khas untuk penterjemahan telah pun ditimbangkan oleh Kerajaan. Walaupun cadangan itu dianggap baik tetapi buat peringkat ini keadaan itu tidaklah begitu mendesak

kerana Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai keupayaan untuk meningkatkan lagi terjemahan buku-buku ke dalam Bahasa Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 6 Y. B. Tuan Gooi Hock Sengtidakhadir).

PENYELUDUPAN DADAH KE DALAM PENJARA

7. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementeriannya telah melakukan apa-apa siasatan mengenai dakwaan bahawa dadah mudah didapati dalam penjara-penjara, jika ada, dimanakah penjara-penjara yang sedang dalam siasatan dan apakah kemajuan siasatan. Adakah apa-apa tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah dadah dari mudah dibawa masuk ke dalam penjara.

2-77-57

27. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hal penyetudupan dadah dalam penjara dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menentukan perkara sedemikian dapat dibasmikan. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawal dan kakitangan yang bertanggungjawab terhadap kejadian tersebut. Setakat ini beberapa orang telah dihukum.

18. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah hasil siasatan Jawatankuasa Khas ke atas penyeludupan dadah ke dalam penjara-penjara akan

diumumkan kepada awam dan sama ada sebarang tangkapan telah dibuat selama ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong dari Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng dari Bukit Bendera yang dijadualkan pada 2-11-87.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Diizinkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat satu Jawatankuasa Khas telah pun ditubuhkan oleh Kementerian ini untuk mengkaji masalah penyeludupan dadah ke dalam penjara-penjara. Jawatankuasa Khas ini telah pun membuat kajian di beberapa buah penjara iaitu di Penjara Alor Setar, Pulau Pinang, Pulau Jerejak, Taiping, Pudu, Seremban dan Johor Bahru.

Jawatankuasa Khas berkenaan sedang dalam proses terakhir menyiapkan laporannya. Pihak Kerajaan akan menimbangkan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Khas itu dan juga pengumumannya setelah menerima laporan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Madatang bin Morejal.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan soalan. Soalan ini bukan ditujukan kepada Perdana Menteri tetapi kepada Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8.

**PERBELANJAAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN BAGI NEGERI
SABAH**

8. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi Negeri Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan keempat.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi Negeri Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak \$1,844.57 juta manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat adalah sebanyak \$2,580.2 juta.

Tuan Madatang bin Morejal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah jumlah hasil yang telah dikutip daripada Negeri Sabah dalam tempoh yang sama mencukupi jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi negeri itu dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat seperti yang dimaksudkan dalam soalan asal.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembahagian ini Kerajaan Pusat tidaklah mengambil kira tentang kutipan daripada negeri-negeri. Memandangkan kepada jumlah kutipan itu berdasarkan kepada hasil Kerajaan Negeri, jadi menunjukkan beberapa buah negeri akan tidak mendapat peruntukan yang sewajarnya dan hasil daripada perbincangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat kita akan menimbangankan peruntukan-peruntukan khusus bagi negeri-negeri berkenaan.

INTEGRASI NASIONAL

9. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah yang dimaksud dengan "integrasi nasional" yang sebenarnya;
- (b) apakah langkah-langkah yang telah sedang dan akan diambil untuk menentukan matlamat integrasi nasional ini akan tercakup seluruhnya; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan integrasi wujud di antara penduduk-penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak dari segi ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di Pertua, integrasi nasional bermaksud proses membangunkan sebuah negara Mataysia dengan tujuan menyatupadukan kelompok-kelompok masyarakat yang berbeza dari segi kaum mahu pun kedudukan geografi mengikut wilayah dan negeri masing-masing dengan bertujuan untuk melahirkan satu bangsa yang berteraskan kepada penghayatan nilai nilai bersama dengan berpandukan kepada falsafah kebangsaan iaitu Rukunegara.

Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menentukan tercapainya matlamat integrasi nasional ialah melalui pelaksanaan beberapa pendekatan tertentu. Pendekatan yang terpenting sekali ialah pelaksanaan dasar-dasar negara seperti yang telah dibentuk oleh Kerajaan dalam segala bidang pembangunan negara dan masyarakat.

Pendekatan yang kedua ialah menerusi strategi mengadakan program-program penggalakan, pembinaan semangat, cintakan perpaduan dengan mengeratkan hubungan di antara semua kaum dan perhubungan di antara wilayah-wilayah dan negeri-negeri di dalam negara Malaysia ini.

Di antara program penggalakan ini ialah langkah untuk mengadakan program lawatan pemimpin-pemimpin masyarakat dari wilayah Sabah dan Sarawak ke Semenanjung dan sebaliknya. Program anak angkat serta program-program panukaran lawatan belia-belia dengan menggunakan kemudahan-kemudahan pengangkutan Feri Malaysia atau Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dengan tambang bayaran murah dan penukaran pegawai-pegawai di antara negeri-negeri.

Banyak langkah-langkah yang dirancang untuk menentukan integrasi nasional wujud di antara penduduk-penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Dari segi ekonomi, segala dasar-dasar negara yang meliputi aspek pembangunan ekonomi sentiasa diselaraskan melalui rancangan pembangunan ekonomi seperti Rancangan Malaysia Ke-5.

Dari segi politik, langkah-langkah yang penting sekali ialah penyertaan parti-parti politik di negeri-negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung bersama-sama dalam Parti Barisan Nasional yang inemerintah negara ini.

Selain dari itu, pemimpin-pemimpin politik juga bebas bergerak di antara negeri-negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga sedang merancang beberapa strategi untuk mempereratkan hubungan penduduk-penduduk melalui peningkatan program-program perkhidmatan

awam yang lebih baik untuk membantu mempercepatkan proses integrasi nasional.

Dari segi sosial dan kebudayaan pula, segala program yang bercorak penggalakan seperti yang saya sebutkan tadi akan sentiasa diperluaskan dari semasa ke semasa untuk menentukan integrasi penduduk-penduduk Semenanjung, Sabah dan Sarawak sentiasa wujud.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa perbezaan harga barangan ataupun, dengan izin, inequality of commodity prices yang terdapat di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah menyebabkan masyarakat berkenaan merasa berada di berbagai negara yang berlainan. Keadaan seperti itu menyebabkan sebanyak sedikit melambatkan proses integrasi nasional. Apakah Kerajaan mempunyai rancangan khas untuk mengatasi masalah tersebut demi untuk pencapaian matlamat integrasi nasional sepenuhnya.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa harga barang-barang di antara negeri-negeri adalah berbeza, ada di setengah-setengah tempat barangnya lebih murah daripada tempat-tempat yang lain. Contohnya, kalau hendak makan udang dengan ikan, saya difahamkan memang murah di Sabah dan Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan Tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah benar bahawa satu batu penghalang yang menjejaskan integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia adalah taraf pembangunan sosio-ekonomi yang rendah di negeri Sabah dan Sarawak yang dapat dibayangkan di dalam kekurangan

infrastruktur seperti jalanraya, lapanganterbang dan sebagainya. Akibatnya (*Disampuk*) bahawa golongan masyarakat yang kadar kemiskinannya paling tinggi adalah di Sabah dan Sarawak seperti bangsa Bidayah yang mengalami kadar kemiskinan sebanyak 70%. Adakah ini benar? Jika benar, macam mana Kerajaan akan mengatasi masalah ini, 24 tahun lepas kemerdekaan.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO jangan kacau apabila saya bertanya. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apa yang dimaksudkan batu penghalang. Kerana memang tugas dan tanggungjawab Kerajaan untuk membangunkan negara ini dan tindakan-tindakan terus diambil oleh Kerajaan bagi membangunkan semua Wilayah di dalam negara ini, tidak kira ianya di Sarawak, Sabah ataupun negeri-negeri di Semenanjung ini. Tentulah dengan kewangan yang terhad bagi mana-mana negara dalam dunia inipun tentu mempunyai kewangan terhad maka tentulah kewangan-kewangan ini perlu diagih-agihkan mengikut kesesuaian masa dan perancangan yang dilakukan.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching tadi menyebutkan seolah-olah tidak ada pembangunan langsung di Sarawak dan seolah-olah Kerajaan mengabaikan tanggungjawabnya. Kalau disebutkan dari segi bilangan lapanganterbang, saya rasa Sarawak mempunyai bilangan lapanganterbang yang terbanyak dibandingkan mana-mana negeri dt dalam negara kita ini.

Dari segi jalanraya-jalanraya, kita baru sahaja dimaklumkan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri Kemudahan Awam bahawa peruntukan sudahpun diberi kepada

Kerajaan Sarawak untuk membangunkan jalanraya.

Tentang kemudahan-kemudahan lain memang sentiasa diberi. Jadi, saya kurang termaklumlah cara Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyebutkan batu penghalang, dan juga saya tengok caranya seolah-olah hendak memakan orang dalam Dewan ini. (*Ketawa;*

RANCANGAN PEMBANGNDNAN TERBENGGKALAI

10. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah ataupun program yang telah diatur bagi mempercepatkan rancangan pembangunan yang banyak terbengkalai di Wilayah Persekutuan seperti di Lembah Pantai, Siputeh dan lain-laian kawasan kerana rakyat terlalu banyak sedang menunggu untuk mendapatkan rumah kos rendah, dan juga apakah tindakan kepada pemaju-pemaju yang telah diberi kawasan untuk dimajukan tetapi telah ditinggalkan begitu sahaja menjadikan hutan-belukar dan separuhnya "cerucuk telah ditanam menjadikan hutan besi" yang menjadikan bahaya kepada manusia dan binatang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suieiman bin Mohamed); Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat beberapa projek perumahan yang ditangguhkan disebabkan oleh kelembapan pasaran harta. Sungguhpun begitu, ada di antara pemaju perumahan ini yang menangguhkan pembinaan projek perumahan mereka dari tahun lepas telah memulakan semula perprojek tersebut pada tahun ini. Perangkaan juga telah menunjukkan bahawa bilangan permohonan pelan bangunan rumah telah meningkat daripada 6,115 unit pada tahun 1986 kepada 14,206 unit sehingga bulan September 87 ini.

Peningkatan bilangan rumah untuk dibina telah meningkat lebih daripada sekali ganda.

Sebagai langkah untuk mempercepatkan rancangan pembinaan rumah ini, Kerajaan telah menggalakkan pemaju-pemaju swasta supaya membina rumah-rumah jenis kos rendah yang mempunyai pasaran dan permintaan jika dibandingkan dengan jenis rumah kos sederhana dan tinggi. Di samping itu melalui program khas rumah kos rendah pemaju-pemaju diberi beberapa insentif seperti pengurangan dari segi kelulusan perancangan dan pelan bangunan. Ada juga di antara pemaju-pemaju ini yang telah dibantu dalam menyelesaikan masalah setinggan yang menduduki tanah-tanah mereka. Bantuan dan insentif yang diberi kepada pemaju-pemaju ini adalah merupakan langkah Kerajaan bagi mempercepatkan lagi rancangan pembangunan perumahan di Kuala Lumpur.

Berkaitan dengan projek perumahan yang diusahakan sendiri oleh pihak Kerajaan melalui Dewan Bandaraya yang telah ditangguhkan itu, pihak Kerajaan akan cuba menyediakan peruntukan bagi melaksanakan projek-projek tersebut jika keadaan kewangan mengizinkan. Di samping itu, usaha kearah menswastakan projek-projek yang ditangguhkan ini juga sedang dijalankan.

Bagi pemaju-pemaju yang telah diberi kawasan untuk membangunkan projek-projek perumahan syarat-syarat tertentu dikenakan terhadap mereka seperti pembinaan rumah-rumah kos rendah yang mencukupi. Penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan mereka juga diberi tempoh tertentu untuk memulakan projek. Sekiranya projek tersebut tidak dimulakan oleh pemaju maka tanah berkenaan akan ditarik balik semula.

Tempoh yang diberikan kepada mereka untuk memulakan projek ialah dalam masa 2 tahun.

Bagi projek yang telah dijalankan dan kemudiannya terbengkalai, tindakan juga akan diambil terhadap pemaju supaya memastikan projek berkenaan dapat berjalan semula. Sekiranya pemaju tidak berupaya untuk memajukan tanah berkenaan maka mereka diminta untuk menyerahkan semula tanah tersebut kepada pihak Kerajaan dan seterusnya Kerajaan akan menawarkan kepada pemaju lain yang berkeupayaan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu adakah pihak Kementerian telah membuatkan satu kajian untuk mendapat tahu berapakah jumlah rumah-rumah yang ada di dalam kawasan-kawasan setinggan di seluruh Bandaraya ini. Dengan kadar pembinaan rumah-rumah seperti yang telah disebutkan tadi, berapa lama yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, permintaan bagi rumah, terutamanya kos rendah di dalam Wilayah Persekutuan ini adalah sebanyak 30,000 unit rumah dan bagi setinggan terdapat 250,000 setinggan di Wilayah Persekutuan. Dalam usaha Kerajaan untuk memenuhi permintaan rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan khususnya, usaha sedang dibuat dan ini adalah tergantung dari peruntukan kewangan dan kedudukan kewangan Kerajaan pada masa ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa permintaan untuk mendapatkan rumah pangsa ataupun rumah kos rendah untuk disewa adalah sangat mendesak. Oleh hal

yang demikian, adakah pihak Kementerian yang berkenaan ataupun JPM menetapkan satu peraturan di mana rumah-rumah kos rendah ataupun rumah-rumah pangsa yang telah disiapkan oleh pemaju swasta yang tidak dapat dijual kepada orang ramai oleh kerana di luar kemampuan orang yang miskin, adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan bahawa rumah-rumah yang tidak dijual ini akan disewa untuk membolehkan lebih ramai orang dapat menduduki dalam rumah pangsa itu?

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan maklum akan kedudukan rumah-rumah yang disediakan, baik oleh pihak swasta mahupun oleh pihak Kerajaan dan memang maklum akan kedudukan bahawa ramai penduduk yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah-rumah kos sederhana dan sedikit daripada mereka untuk membeli rumah kos rendah. Usaha sedang dibuat, terutama untuk mengkaji kedudukan ini dan ke arah untuk menyewa ataupun Dasar Sewa Beli yang akan ditetapkan oleh Kerajaan setelah membuat kajian ini bagi menampung keperluan permintaan perumahan yang terdapat di Wilayah Persekutuan.

BARANG KRAF DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU

11. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah rancangan dan tindakan akan diambil oleh PKKM (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia) supaya penduduk-penduduk Kampung Baru-kampung Baru digalakkan menyertai lebih aktif dalam kegiatan di bidang ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah); Tuan Yang di-Pertua, Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensinya, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sedang berusaha mewujudkan beberapa aktiviti pengeluaran barang-barang kraf di kampung-kampung. Asas bantuan dalam menggerakkan aktiviti tersebut berdasarkan kepada kemahiran serta tradisi bentuk barang dan sumber-sumber yang terdapat di sesebuah kampung. Buat ketika ini, kajian hanya dibuat di kampung-kampung tradisi memandangkan unsur-unsur yang dinyatakan tadi terdapat dengan banyaknya di kampung-kampung tersebut. Perancangan yang dimaksudkan belum lagi dibuat bagi kampung-kampung baru.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya meminta Setiausaha Parlimen berkenaan menyatakan prestasi-prestasi pencapaian Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan penyertaan penduduk-penduduk kampung di bidang kraftangan pada ketika ini.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal adalah berkenaan dengan kampung baru. Jadi, kalau Yang Berhormat berkehendakkan itu, saya minta notis.

EXPRESS WAY LEMBAH KELANG KE LAPANGAN TERBANG SUBANG

12. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kerjaraya menjelaskan bilakah jalan "Express Way" dari Lembah Kelang ke Lapangan Terbang Subang siap dibina dan berapakah kos pembinaan projek tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada cadangan membina atau menaikkan taraf jalan dari Lembah Kelang ke

Lapanganterbang Subang, tetapi apa yang dirancang adalah membina lebuhraya baru Lembah Kelang, "New Klang Valley Express Way", dengan izin, sepanjang 34.8 km. Lebuhraya itu bermula dari Kelang dan berakhir di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Lebuhraya tersebut memotong jalan ke Lapanganterbang Subang. Kos pembinaannya adalah dianggarkan \$210 juta, ini hanya kos pembinaan sahaja, tidak termasuk gantirugi dan sebagainya. Tempoh pembinaannya memakan masa 4 tahun. Lebuhraya baru Lembah Kelang ini juga telah dirancang untuk menjadi sebahagian daripada penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan.

SYARIKAT DITUTUP AKIBAT KERUGIAN

13. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejak Januari, 1984, bilangan syarikat milik Kerajaan dan bilangan badan-badan berkanun sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri yang telah membubarkan perniagaan mereka akibat kerugian. Nyatakan sebab-sebab kerugian, jumlah amaun kerugian oleh syarikat-syarikat berkenaan;
- (b) bilangan syarikat sektor swasta yang telah ditutup perniagaannya kerana kerugian sejak Januari, 1984 dan jumlah amaun kerugian.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin); Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat-syarikat Kerajaan yang ditutup sejak Januari, 1984 ialah 23 buah. Jumlah kerugian yang dialami ialah \$24,292,000 berdasarkan kepada kerugian terkumpul ataupun 'group

loss'. Sebab-sebab kerugian adalah berbeza di antara satu syarikat dengan syarikat-syarikat lain, tetapi pada umumnya bolehlah disimpulkan seperti berikut:

- (i) syarikat-syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan dan kerana itu dipaksa ditutup oleh pemberi hutang ataupun 'creditors' yang menuntut hutang-hutang mereka;
- (ii) syarikat-syarikat ini menghadapi kegagalan dalam operasi yang disebabkan oleh kos operasi yang tinggi dan produktiviti yang rendah;
- (iii) syarikat-syarikat tersebut menghadapi masalah teknikal dalam operasinya dan masalah pemasaran barang-barang yang bermutu rendah.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tidak ada badan-badan berkanun, baik diperingkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri yang dibubarkan akibat daripada kerugian. Badan-badan berkanun ini adalah ditubuhkan bukan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan, tetapi ianya tidak menjalankan operasinya secara perniagaan.

Berhubung dengan soalan mengenai jumlah syarikat swasta yang rugi, dimaklumkan iaitu bitangan syarikat-syarikat yang rugi dan jumlah kerugian tidak dapat dinyatakan kerana data mengennainya tidak disimpan oleh Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

(Soalan No. 14 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir).

PERKAUMAN—LANGKAH MENCEGAH

15. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mencegah perkauman yang kian meningkat di Malaysia dan sama ada Kerajaan akan menahan diri dari melaksanakan dasar-dasar yang mengganggu dan menaikkan perasaan bangsa-bangsa lain, jika tidak, mengapa.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah perkauman dan mempertingkatkan perpaduan dalam negara. Kejayaannya ternyata, kita dapat lihat tindakan-tindakan yang sengaja dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk meruntuhkan perpaduan di kalangan rakyat kurang berjaya.

Banyak langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mencegah perkauman. Pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan dan Dasar Ekonomi Baru telah berjaya mengurangkan perkauman. Kerajaan bersedia dan sanggup mengambil tindakan yang tegas bagi mencegah perkauman. Kerajaan tidak pernah menjalankan dasar-dasar yang mengganggu dan menaikkan perasaan marah mana-mana pihak, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Seperti yang termaklum, perasaan ini hanya timbul apabila pihak-pihak yang mempunyai tujuan jahat sanggup membakar perasaan rakyat bagi mengisi tujuan-tujuan mereka.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar atau Kerajaan sedar untuk meneruskan tindakan tegas seperti mana yang diambil sejak beberapa hari untuk menentukan supaya

masalah-masalah perkauman tidak berlaku di negara ini pada masa yang akan datang.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua: pendirian Kerajaan, kesanggupan Kerajaan, Kemampuan Kerajaan untuk bertindak tegas tidak boleh diraguragui lagi.

Memandangkan tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan dalam beberapa hari ini, saya lihat "senarai" tahanan makin kian panjang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan perbandingan dengan negara-negara lain di dunia, apakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa tindakan secara tolak-ansur untuk tujuan perpaduan ini kita tidak akan capai, walaupun sampai hari kiamat. Sebagai contoh, walaupun ada Jabatan Perpaduan ataupun usaha-usaha perpaduan di bawah Jabatan Yang Berhormat, saya rasa usaha-usaha itu tidak akan mencapai kejayaan, sebaliknya tiap-tiap kaum akan terus dengan cara perkaumannya sendiri. Jadi pendapat saya, ini soalnya, cuma bahasa sahaja

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, soalnya apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini soatannya. Cuma bahasa sahaja yang dapat menyatu-padukan bangsa dan juga menunjukkan identiti bangsa seperti yang terdapat di Indonesia dan juga Thailand.

Jadi, adakah Yang Berhormat ataupun Kerajaan bercadang untuk menggunakan bahasa ini walau dengan cara apa sekalipun sama ada dengan cara berlembut ataupun dengan cara bukan berkeras dengan secara

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, cara-cara apa?

Tuan Shahidan bin Kassim:
 dengan cara kekerasan (*Ketawa*) untuk membolehkan semua rakyat tanpa tolak ansur supaya memakai cuma satu bahasa untuk menyatu-padukan bangsa.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:
 Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau kerana di samping membuat soalan, beliau memberikan juga bayangan kepada kita mengenai tindakan yang perlu di buat, secara lembut ataupun secara keras.

Dari segi kalau dibandingkan dengan, seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, dibandingkan dengan negara-negara di dunia, maka dasar tolak ansur tidak akan dapat mencapai perpaduan sehingga hari kiamat, kata beliau.

Saya percaya, kalau tolak ansur itu dibuat secara tidak mengikut perancangan-perancangan dan dasar-dasar yang tertentu, tentulah tolak ansur yang dibuat itu tidak membawa kepada memenuhi matlamat kerana matlamat itu tidak ada. Tetapi kalau tolak ansur itu dibuat mengikut perancangan-perancangan yang ada bagi membawakan kepada perpaduan, insya Allah, saya rasa ianya akan mencapai matlamat. Contohnya, dari segi dasar penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan telah pun diterima dan telah pun dapat dilaksanakan dengan tegas dan hari ini kita boleh mengakui bahawa kita telah pun mencapai tahap yang agak tinggi.

Bahasa sahaja tentulah tidak akan dapat membentuk satu masyarakat Malaysia seperti mana yang diidam-idamkan oleh semua pihak. Setakat

melafazkan bahawa kita ini seorang Malaysia ataupun Malaysian, ianya belum mencukupi.

Maka usaha-usaha untuk membentuk kebudayaan seperti mana di bawah Dasar Kebudayaan Negara, supaya semua kumpulan ethnik di dalam negara ini dapat mengakui ianya adalah seorang bangsa Malaysia dan dengan itu membayangkan sesuatu nilai dan juga sifat-sifat yang menunjukkan bangsa Malaysia.

Pada hari ini kita masih belum mencapai ke tahap itu. Maka usaha-usaha patutlah diteruskan bagi membentuk bangsa Malaysia itu dengan sifat-sifat dan nilai-nilai yang tertentu. Ini sedang kita jalankan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6,14 dan 16 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).

BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA RTM

6. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah RTM bercadang untuk mempertengahan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua RTM.
- (b) sama ada beliau sedar bahawa menukarkan RTM 1 secara menyeluruh ke Bahasa Malaysia adalah bertentangan dengan usaha-usaha RTM bagi mempertengahan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Dasar Bahasa yang diamalkan oleh RTM adalah jelas di mana Bahasa Malaysia adalah

merupakan Bahasa yang diberikan keutamaan dan merupakan Bahasa untuk perpaduan selaras dengan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Bahasa Inggeris juga diberi keutamaan selaras dengan dasar bahasa itu sebagai bahasa kedua dan bahasa antarabangsa. Di samping itu juga RTM tetap akan menggunakan bahasa-bahasa lain untuk tujuan perhubungan. Di Radio terdapat 4 rangkaian iaitu nasional, biru, merah dan hijau di samping rangkaian yang menggunakan loghat-loghat dan siaran-siaran daerah. Di TV pula bagi memenuhi matlamat Kementerian Penerangan untuk menjamin pencapaian dasar Bahasa, RTM 1 akan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya sementara RTM 2 merupakan saluran yang menggunakan Bahasa Inggeris dan Bahasa-bahasa lain, dengan penekanan terhadap penggunaan Bahasa Inggeris. Sementara itu Bahasa Inggeris tetap digunakan di dalam RTM 1 sehingga matlamat untuk menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya di RTM 1 tercapai.

- (b) Percanggahan dasar Bahasa di dalam RTM 1 tidak timbul kerana dasar bahasa Inggeris sebagai Bahasa ke 2 akan diketengahkan melalui RTM 2 sementara RTM 1 akan dijadikan sebagai rangkaian untuk perpaduan dengan penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya.

PERSIDANGAN DADAH ANTARABANGSA DI VIENNA

14. Dato Haji Saidin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menjelaskan selepas tamatnya Persidangan

Antarabangsa Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah (ICDAIT) di Vienna dalam bulan Jun, 1987 yang lalu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat, apakah langkah-langkah atau tindakan susulan yang diambil oleh Sekretariat di Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu di Vienna untuk memerangi dadah dan adakah peruntukan-peruntukan tertentu untuk pengawasan dadah di peringkat antarabangsa; jika ada bagaimanakah bentuknya.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya memohon menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Persidangan Dadah Antarabangsa (ICDAIT) yang berlangsung di Vienna pada 17-26 Jun, 1987 merupakan Persidangan tunggal mengenai dadah. Pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tidak bercadang mengadakan Persidangan susulan. Dengan demikian Urusetia Persidangan ini hanya wujud hingga Persidangan berlalu. Jadi soal tindakan susulan Urusetia ini tidak timbul sama sekali.

Apa yang ada ialah tindakan susulan oleh badan-badan PBB seperti Perhimpunan Agong, ECOSOC (Majlis Ekonomi dan Sosial), CND (Commission on Narcotic Drugs), INCB (International Narcotics Control Board), dan UNPDAC (UN Fund for Drug Abuse Control), serta agensi-agensi PBB yang lain. Badan-badan dan agensi-agensi ini dijangka akan mengambil langkah-langkah sebagaimana yang terhurai di kedua-dua dokumen ICDAIT iaitu (i) Garispanduan Komprehensif dan Pelbagai Disiplin (Comprehensive Multi-disciplinary Outline (CMO) of Future Activities in Drug Abuse Control); dan (ii) Deklarasi Persidangan. Mereka juga dijangka mengkaji dan melaporkan tindakan-tindakan atau aktiviti yang telah

diambil oleh mereka dan negara-negara ahli PBB dari masa ke masa

Jentera PBB memang wujud untuk mengawas masalah dadah. Ini termasuk UN Commission on Narcotic Drugs, INCB (International Narcotics Control Board) dan UNPDAC (UN Fund for Drug Abuse Control).

PENDATANG HARAM VIETNAM

16. Tuan Nasaruddin bin Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pendatang haram yang masih berada di negara ini dan sama ada bantuan yang diberi oleh Bangsa-bangsa Bersatu adalah mencukupi dan apakah sebabnya negara-negara kita enggan menerima pendatang-pendatang haram ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya mentakrifkan pendatang haram yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ahli dari Parit sebagai pendatang-pendatang haram Vietnam dan saya menjawab soalan ini bagi memenuhi maksud itu.

Sehingga 30 September, 1987, sejumlah 7,486 pendatang haram Vietnam masih berada di Malaysia. Dari jumlah itu seramai, 4,471 orang ditempatkan di Kem Pulau Bidong dan seramai 3,015 di Kem Sg. Besi. Segala perbelanjaan untuk menguruskan hal-hal kebajikan, pelajaran, kesihatan, pengangkutan dan lain-lain bagi pendatang haram Vietnam ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Orang-orang Pelarian atau UNHCR. Setakat ini perbelanjaan yang dibiayai oleh badan dunia itu adalah mencukupi.

Kadar perpindahan pendatang haram Vietnam dari Malaysia ke negara-negara ketiga pada masa ini adalah memuaskan. Sehingga 30 September 1987 seramai 213,160

orang telah dipindahkan ke negara-negara ketiga. Sungguhpun kadar perpindahan pendatang haram Vietnam ke negara-negara ketiga adalah memuaskan tetapi Kerajaan masih berusaha untuk mendapatkan lebih banyak negara-negara ketiga mengambil lebih ramai lagi pendatang haram Vietnam yang kini masih berada di negara ini.

MENANGKAP IKAN DI LAUT DALAM

17. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan insentif-insentif dan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan supaya para nelayan kita menangkap ikan di laut dalam iaitu lebih daripada 30 batu dari pantai. Sejak skim tersebut dijalankan, nyatakan bilangan nelayan yang menyertainya. Jika tidak, kenapa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Di antara insentif Kerajaan untuk menggalakkan para nelayan tempatan untuk menangkap ikan di laut dalam ialah dengan cara memberikan galakan pelaburan dan dorongan dalam bentuk fizikal dan kewangan kepada mereka. Di antara insentif kewangan yang disediakan untuk pelabur-pelabur ialah pengecualian cukai di bawah "Elaun Cukai Pelaburan hingga 50%" dan pengecualian cukai import ke atas peralatan-peralatan yang tertentu di dalam bot-bot perikanan. Dari segi kemudahan pinjaman pula, Bank Pertanian telah menyediakan skim kemudahan kredit dengan mengenakan syarat-syarat pinjaman yang ringan.

Sejak skim galakan tersebut di atas dijalankan, sejumlah lebih kurang 1,000 nelayan tempatan telah menyertainya.

GURU-GURU—SEKIM TINGKATAN TERTINGGI G

18. **Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri Pendidikan adakah Kementenan bercadang untuk mengujudkan skim tingkatan tertinggi G kepada guru-guru yang berkebolehan istimewa mengajar tetap tidak mahir dalam bidang pentadbiran supaya dapat dikekalkan sebagai guru tanpa mengeneikan haknya untuk naik pangkat. Apakah dasar naik pangkat yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pendidikan belum ada cadangan mengujudkan Skim Tingkatan Tertinggi 'G' untuk guru-guru yang berkebolehan istimewa mengajar. Setakat ini semua jawatan pada tahap Tingkatan Tertinggi 'G' adalah di dalam bidang pengurusan.
- (b) Urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan di Kementerian ini adalah berdasarkan kepada Perintah Am Bab 'A' dan lain-lain Pekeliling yang berkaitan dengan pangkat seseorang guru itu adalah berasaskan kepada kebolehan, kecekapan, sifat-sifat peribadi, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.

AHLI SENAT UNIVERSITI MALAYA

19. **Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) nama-nama mereka yang menganggotai Senat Universiti Malaya dan nama-nama mereka yang hadir dan membuat

keputusan ke atas ketetapan senat bahawa pelajar-pelajar tidak dibenarkan mengambil subjek-subjek pilihan dalam bahasa Cina dan Tamil; dan

- (ii) sama ada Kabinet telah mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan penetapan senat ini dan jika ya, bila ianya diadakan dan apakah keputusan Kabinet dalam perkara ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ahli-ahli Senat Universiti Malaya adalah terdiri dari Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Profesor-profesor, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah Pusat, Timbalan Dekan, Timbalan Pengarah Pusat, Ketua-ketua Jabatan, Pengerusi-pengerusi Bahagian, Wakil-wakil Fakulti dan wakil Kakitangan Pengajar Am.

Keputusan berkaitan dengan kursus pilihan di Universiti Malaya telah diputuskan oleh seramai 95 orang ahli-ahli Senat Universiti Malaya, di mana 50 orang terdiri dari bukan bumiputera dan hanya 45 orang terdiri dari bumiputera.

Mengenai bahagian kedua pertanyaan Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 15 Julai, 1987 telah memutuskan supaya keputusan Senat Univefsiti Malaya mengenai kursus elektif dilaksanakan dan perbincangan mengenai perkara tersebut telah ditangguhkan terlebih dahulu hingga ke suatu masa yang sesuai.

TABUNG HAJI—URUSAN PENGINAPAN DAN MAKAN MINUM

20. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan berapa buah syarikat

yang mempunyai hubungan dengan Tabung Haji untuk menguruskan penginapan dan makan minum jemaah haji. Adakah sebarang perjanjian yang telah dibuat di antara syarikat-syarikat berkenaan dengan pihak Tabung Haji. Adakah Tabung Haji menerima keuntungan dalam bentuk komisyen atau apa-apa bentuk sumbangan jua. Nyatakan apakah rancangan selanjutnya dalam musim haji yang akan datang.

Tuan Othman bin Abdul: Mengikut Peraturan Haji Arab Saudi, semasa di Tanah Suci, Jemaah Haji adalah bebas menguruskan tempat penginapan mereka tertakluk kepada kebenaran Muassasah.

Mengenai makan minum pula, mereka adalah juga bebas mengaturnya kecuali selama 5 hari di Arafah dan Mina makan minum diuruskan oleh Muassasah.

Dengan itu, bagi Jemaah Haji yang mampu dan berkehendaitkan penginapan serta makan minum, Tabung Haji memberi mereka 2 pilihan, iaitu:

1.1 *Package Haji*

Package haji dikendalikan oleh anak Syarikat Tabung Haji iaitu Perbadanan Pengangkutan dan Perusahaan Tabung Haji (PPPTH) dengan penganjur-penganjur yang terdiri dari Warganegara Arab Saudi atas persetujuan Muassasah. Pihak PPPTH ada menandatangani Surat-surat Perjanjian dengan penganjur-penganjur itu.

Di bawah Package Haji, Jemaah Haji yang mampu, dapat menikmati Khidmat Haji menyeluruh di Tanah Suci iaitu segala urusan kenderaan, tempat tinggal serta makan minum mereka disediakan oleh penganjur.

Bagi Musim 1407 yang lalu 4 package telah diadakan iaitu:

- Hotel Makkah
- Aziz Khogeer Hotel Establishment
- Syeikh Ahmad Lampong
- Syeikh Zaini Arief Zainol

Tabung Haji tiada mendapat sebarang keuntungan atau komisyen daripada package-package itu kecuali tambang dan elaun makan bagi kira-kira 14 orang petugas haji, yang diaturkan berkhidmat di bawah package-package itu, dibayar oleh penganjur.

Petugas-petugas dari Tabung Haji itu adalah penting bagi menentukan Jemaah Haji mendapat khidmat daripada petugas-petugas yang boleh berbahasa Malaysia. Selain dari itu pihak penganjur juga membayar kepada PPPTH SR. 15.00 seorang sebagai bayaran pemerosesan.

1.2 *Kumpulan Perumahan Khas*

Bagi Jemaah Haji yang hendak pergi ke Tanah Suci secara berkumpulan serta menyewa rumah khas di Makkah/Madinah bersekali dengan makan minum di sana, mereka boleh memilih untuk pergi di bawah rancangan Kumpulan Perumahan Khas.

Tahun ini sejumlah 11 kumpulan telah diadakan iaitu:

1. Utas Travel & Tours.
2. Haji Mat Nor bin Jusoh.
3. Haji Ahmad bin Haji Kassim.
4. Urus Folio Sdn. Bhd.
5. Haji Yusof bin Haji Ahmad.
6. Haji Yusof bin Haji Md. Isa.
7. Perkhidmatan Hujjaj.
8. Triways Travel & Tours.

9. Syer Othman bin Ali (SOBALI).
10. Perkhidmatan Safa.
11. Jawatankuasa Kebajikan Islam Mas(JKIM).

Di bawah rancangan ini Jemaah Haji diketual oleh Ketua-ketua Kumpulan yang berpengalaman di Tanah Suci dan sebelum bertolak, ketua-ketua ini akan mendaftar di Tabung Haji dengan mengerangkan perkhidmatan/bayaran tambahan yang akan dikenakan oleh mereka kepada Jemaah Haji masing-masing.

Ketua-ketua Kumpulan itu kemudiannya menyewa sendiri bangunan-bangunan dengan kelulusan Muassasah dan Tabung Haji tidak mengikat sebarang perjanjian dengan mereka atau pun mendapatkan sebarang keuntungan atau komisyen atas perkhidmatan mereka itu.

Tetapi Tabung Haji mengawasi perkhidmatan setiap Ketua Kumpulan bagi menjamin mereka menepati janji-janji mereka dengan jemaah Haji.

Dengan itu bagi memenuhi selera Jemaah Haji yang mampu dan yang memerlukan perkhidmatan tambahan di Tanah Suci semasa menunaikan fardhu Haji, maka Tabung Haji akan meneruskan kedua-kedua rancangan itu di masa hadapan.

JUALAN TIKET BOLASEPAK DI STADIUM

21. **Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan diambil bagi mencegah jualan tiket-tiket bas dan tiket-tiket menuntun di stadium-stadium dengan cara haram dibuat oleh Kementerian seperti tiket menuntun di panggung wayang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri memang sedar tentang penjualan tiket-tiket bas dan tiket menuntun di stadium secara

haram khususnya dalam perlawanan bolasepak. Sehubungan dengan itu pihak polis dari masa ke semasa telah berusaha menyekat kegiatan tersebut dengan menghantar anggota-anggota Tugas Am dan juga detektif untuk membuat pengintipan dan mengambil tindakan saman.

PENSWASTAAN AGENSI KERAJAAN SABAH

22. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah peranan Kerajaan Persekutuan berhubung dengan usaha Kerajaan Sabah untuk menswastakan beberapa agensi Kerajaan Negeri seperti Sabah Gas Industries, Sabah Forest Industries, Sabah Shipyard Sdn. Bhd., dan lain-lain. Adakah Kerajaan Persekutuan bersedia mengambilalih agensi-agensi tersebut khasnya Sabah Gas Industries jika sekiranya rancangan itu penswastaan tiada berhasil.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah mendapatkan kerjasama Asian Development Bank bagi menjalankan satu kajian pengswastaan Projek Sabah Gas. Kajian ini dijangka siap pada akhir tahun 1987. Pihak bank tersebut telah bersetuju memberi sumbangan sebanyak US\$319,000 untuk membiayai kajian ini. Bagi Sabah Forest Industries, Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan International Finance Corporation (IFC), iaitu satu badan di bawah Bank Dunia, untuk menjalankan kajian penswastaan. Mengenai penswastaan Sabah Shipyard, setakat ini Kerajaan Negeri Sabah belum memohon apa-apa bantuan dari Kerajaan Persekutuan.

Oleh kerana laporan akhir bagi kajian penswastaan Projek Sabah Gas yang dikendalikan oleh Asian

Development Bank belum diterima, Kerajaan Persekutuan belum membuat apa-apa keputusan sama ada penswastan Projek Sabah Gas dapat disempurnakan atau tidak. Dengan demikian soal sama ada Kerajaan persekutuan perlu mengambilalih Projek ini atau tidak, adalah tidak timbul.

MENGHALALKAN PERMAINAN JUDI

23. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada cadangan menghalalkan semua permainan judi dan "empat ekor haram". Sedarkah Menteri walaupun sekarang kebanyakan permainan sebegini diharamkan tetapi kegiatan-kegiatan judi sama juga berleluasan dan Kerajaan tidak berfaedah dengan kutipan cukai-cukai hiburan atau perjudian. Apakah bezanya antara permainan "pakau", "empat ekor haram", "mahjong" dan lain-lainnya. Bukankah cadangan halalkan semua permainan judi akan lebih berfaedah tabungan kewangan negara dengan bayaran cukai-cukai, dan bukannya semua kegiatan judi akan jadi lebih mudah terkawal.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kerajaan tidak bercadang untuk menghalalkan semua jenis perjudian dan empat ekor haram. Walau bagaimanapun Kerajaan bersedia menimbangkan permohonan agensi empat nombor ekor di kawasan-kawasan di mana dijangka terdapat banyak kegiatan empat nombor ekor haram.

Kerajaan sedar tentang ujudnya kegiatan-kegiatan judi haram di negara ini tetapi walau bagaimanapun Kerajaan mampu mengawa! atau membendung kegiatan-kegiatan judi haram tersebut melalui penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan perjudian.

Oleh kerana Kerajaan tidak mengeluarkan lesen bagi permainan pakau, empat ekor haram dan mahjong. maka taidaklah dapat Kerajaan menyatakan perbezaan di antara permainan-permainan ini.

MENTERI-MENTERI/AHLI-AHLI PARLIMEN/NEGERI MENGISTIHARKAN HARTA

24. Dr V. David minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memperkenalkan undang-undang di mana semua Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri dan Jemaah Menteri akan dikehendaki mengistiharkan harta-benda yang dimiliki oleh mereka untuk mengelakkan kecurigaan awam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Semua anggota Jemaah Menteri dikehendaki mengistiharkan harta mereka sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan dan peraturan yang diikuti sekarang adalah memuaskan. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak bercadang hendak memperkenalkan undang-undang mengenainya.

Kerajaan Persekutuan- juga tidak bercadang untuk mengenakan peraturan yang menghendaki Ahli-ahli Dewan Rakyat mengisytiharkan harta masing-masing. Sungguhpun demikian Ahli-ahli Dewan Rakyat hendaklah mempunyai kewibawaan dan integrasi yang tidak menimbulkan sebarang kecurigaan awam.

Soal memperkenalkan undang-undang tentang pengisytiharan harta benda oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ialah suatu perkara yang terletak dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri dan bukan Kerajaan Persekutuan.

AKTA PELAJARAN 1961

25. **Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan bercadang memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh termasuk Seksyen 21(2). Oleh kerana kajian ini belum selesai lagi, adalah terlalu awal untuk dibuat apa-apa ketetapan mengenainya.

JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN DALAM DEWAN

26. **Tuan Samson Chin Chee Tsu** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memberi arahan kepada menteri-menteri supaya akan memberi jawapan bertulis kepada semua soalan-soalan mulut dari ahli-ahli Dewan Rakyat sebelum sidang Parlimen berakhir.

Tuan Othman bin Abdul: Adalah menjadi peraturan Pentadbiran Parlimen meminta Kementerian-kementerian menghantar jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan dalam Dewan tidak lewat daripada hari pertanyaan itu dikemukakan dalam Dewan. Langkah ini bertujuan supaya jawapan itu dapat dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi Parlimen mengikut kehendak Peraturan 24(6). Oleh yang demikian, tidak perlu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi apa-apa arahan lagi kepada Menteri-menteri.

PENYAKIT HEPATITIS B

27. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa suntikan melawan Hepatitis B tidak

dijalankan secara besar-besaran khususnya di kalangan bayi yang baru dilahirkan, kanak-kanak dan pemuda-pemudi memandangkan penyakit ini kian berleluasa dan merbahaya kepada mereka.

Dato' K. Pathmanaban Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan belum lagi menjalankan dengan secara besar-besaran suntikan melawan penyakit Hepatitis B. Ini adalah disebabkan pada masa ini Kementerian sedang dalam proses membuat penilaian ke atas keselamatan dan kekesan vaksin-vaksin Hepatitis B yang sedia ada termasuklah implikasi kewangan yang terlibat. Kementerian juga sedang berusaha untuk mengenalpasti golongan yang berisiko tinggi dan akan memberi pertimbangan untuk menjalankan suntikan Hepatitis B kepada mereka yang berisiko tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini kebanyakan negara-negara hanya memberikan suntikan Hepatitis B kepada orang-orang mempunyai risiko tinggi sahaja seperti bayi-bayi yang dilahirkan oleh ibu-ibu pembawa virus Hepatitis B.

HOSPITAL ESTET

28. **Tuan P. Patta** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada syarat-syarat dan kaedah-kaedah untuk hospital-hospital estet yang diumumkan akan diletak di bawah Akta Hospital Swasta (Private Hospitals Act) telah disiapkan oleh Menteriannya, jika ya, apakah ciri-ciri syarat-syarat dan kaedah-kaedah itu dan bilakah ia mula berkuatkuasa serta bagaimanakah pekerja-pekerja estet akan menikmati layanan perubatan yang lebih baik dari dahulu.

Dato' K. Pathmanaban: Draf syarat-syarat untuk membolehkan hospital-hospital ladang dilesenkan di bawah

Akta Hospital Persendirian 1971 telah disiapkan. Adalah dijangka bahawa pelesenan ini dapat dilaksanakan pada awal tahun 1988.

Dengan pelesenan, hospital-hospital ini akan dikehendaki memenuhi beberapa syarat-syarat mengenai kemudahan fizikal, alat-alat kelengkapan dan juga tenaga kerja dan taraf mereka, untuk memastikan yang taraf perkhidmatan yang disediakan akan terus dipertingkatkan.

Dengan perlaksanaan pelesenan ini, pengawasan ke atas mutu perkhidmatan di hospital-hospital ladang akan dapat dijalankan dengan lebih efektif. Dengan demikian, adalah diharapkan pekerja-pekerja estet yang diliputi oleh hospital-hospital ini akan menerima perkhidmatan perubatan yang lebih.

PETRONAS—STESEN MINYAK KEPADA BUMIPUTERA SABAH

29. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Perdana Menteri menyatakan sama ada PETRONAS bercadang hendak melantik lebih ramai wakil-wakil penjual stesen minyak dan LPG Bumiputera di Sabah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: PETRONAS sememangnya memberi keutamaan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera Sabah dalam perlantikan wakil-wakil penjual stesen minyak dan pengedar-pengedar Gas Petroleum Cecair (LPG) di negeri berkenaan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September, 1987 PETRONAS telah membuka sembilan (9) stesen-stesen minyak di Sabah dan tujuh (7) daripadanya adalah dikendalikan oleh pengusaha Bumiputera. Bakinya sebanyak dua (2) buah stesen lagi dikendalikan oleh

PETRONAS sendiri. Sementara bagi pengedaran LPG pula sehingga tarikh tersebut PETRONAS telah melantik seramai 37 wakil pengedar yang mana 20 (54%) adalah terdiri daripada pengedar-pengedar Bumiputera.

PETRONAS bercadang untuk melantik lebih ramai wakil penjual Bumiputera di Sabah di masa hadapan selaras dengan perkembangan pasaran di negeri itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diutungkan di bawah

maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (29hb Oktober, 1987)

Perbincangan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Sungai Petani, sudah habiskah atau belum?

4.05 ptg,

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Ahli Yang Berhormat, hendak sambung?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ya, saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan saya semalam, saya menyokong langkah Kerajaan untuk menyemak semula tanggagaji kakitangan dan pegawai perkhidmatan awam untuk diturunkan tanggagaji permulaan mereka kerana ianya akan memberikan peluang yang lebih kepadapenganggur-penganggur.

Contohnya, kalau dengan tanggagaji yang lama boleh mengambil dua orang, maka dengan tanggagaji yang baru yang diturunkan itu boleh mengambil seramai tiga orang pula. Walau bagaimanapun, Kerajaan harus berhati-hati dengan semakan itu supaya tidak timbul beberapa masalah baru pula. Dengan inisaya mencadangkan supaya gaji permulaan kepada Kumpulan C dan Kumpulan D tidak diubah dan hendaklah dikekalkan di paras yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan menaikkan sales-tax kepada bahan makanan hendaklah diteliti

dengan betul supaya jenis makanan asasi seperti daging, minyak, gula yang dibawa masuk dari luar negeri dan lain-lain bahan makanan tidak dinaikkan kerana kenaikan harga barang-barang keperluan mi akan meyusahkan orang-orang kampung dan rakyat yang tidak berada. Walau bagaimanapun, kenaikan cukai ke atas barang-barang mewah itu sangatlah dialu-alukan. Bagi mengatasi kekurangan pendapatan kerana tidak dikenakan cukai kepada makanan asasi, maka Kerajaan boleh mengenakan cukai yang tinggi kepada arak dan rokok. Dengan berbuat demikian, Kerajaan akan mendapat dua faedah iaitu perolehan pendapatan cukai dan satu lagi ialah sebagai usaha menyekat orang mabuk dan menyelamatkan orang terkena penyakit jantung kerana merokok.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa kurang faham mengapa Kerajaan mahu membayar hutangnya lebih cepat dari jangka masa yang telah ditentukan kerana wang yang hendak dibayar itu boleh digunakan dalam projek pembangunan yang banyak terbengkalai sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan Belanjawan Negara 1987 dahulu, pihak pembangkang telah membangkitkan isu-isu yang membangkitkan perasaan perkauman dan di dalam Dewan kali ini pun masih ada unsur-unsur seumpamanya itu. Mereka sentiasa bermain api. Awaslah nanti terbakar tangan!

Sementara mereka membakar isu perkauman mereka juga menyeru kepada perpaduan. Ini adalah satu perkara yang mustahil kerana selamalamanya api dan air tidak boleh dicampurkan, atau adakah kerana mereka melihat kepada api yang sedang bersemarak itu barulah mereka hendak menyiram air kepadanya. Kalau begitu, tentulah sudah terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sentimen dan kempen-kempen yang membimbangkan telah menyebabkan keadaan kelihatan seperti tidak tenang hingga dikatakan ia punca kejatuhan harga-harga saham. Sukalah saya rakamkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa orang kampung tidak faham dan tidak tahu apa itu saham tetapi mereka sangat sensitif dengan tindak-tanduk dan ucapan-ucapan yang menyinggung perasaan mereka, terutama mengenai agama, bangsa dan negara. Mereka sedar bahawa tidak ada bumi lain dari Malaysia untuk berteduh dan mencari rezeki yang halal di bumi yang dipusakai sejak tumn-temurun. Bagi mereka yang berminat kepada Bursa Saham hanya berminat kepada wang ringgit. Wang ringgit ada di mana-mana di dunia ini sebab itu ramai dari mereka apabila berlaku huru-hara dan pasaran saham tergugat mereka pun cabut lari mengejar harta dunia yang penuh pancaroba. Orang-orang kampung akan tetap mempertahankan negara tercinta walaupun makan ubi kayu atau parang sebagai senjata untuknya. Itulah bezanya antara orang kampung dengan orang bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini juga ada orang mempersoalkan perkara hak dan kebebasan. Kita semua harus faham apakah hak, apakah kebebasan. Hak adalah kepunyaan atau milik seseorang atau satu-satu negara. Kita tidak boleh menuntut hak dan kebebasan di luar dari nilai-nilai yang sedia ada. Kita tidak boleh bebas berbogel di khalayak ramai, kita tidak boleh bebas membuat sesuka hati kerana kita telah diikat oleh adat dan budi bahasa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara hak dan kebebasan, adakah wajar bagi kita melihat secara perbandingan di antara satu zaman dengan satu zaman yang lain. Di zaman mana lebih bebas. Marilah kita lihat jawapan Yang Berhormat

Timbalan Menteri Dalam Negeri pada 15hb Oktober, 1987 seperti berikut:

Di satu zaman dari tahun 1974 hingga 1980 jumlah orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ialah seramai 1,512 manakala orang-orang yang dibebaskan ialah seramai 1,125.

Marilah kita lihat satu zaman lain jumlah orang-orang yang ditahan dan dibebaskan dalam tempoh tahun 1980 hingga 1986 ialah: yang ditahan seramai 177 tetapi telah dibebaskan seramai 786 orang. Yang dibebaskan lebih banyak dari yang ditahan. Ini jelas sekali bahawa bilangan orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri telah menurun kepada jumlah 335 orang, manakala jumlah orang yang dibebaskan telah bertambah kepada 786. Mari pula kita perhati kebebasan bersuara di negara kita seperti berikut:

Di antara tahun 1974 hingga 1980 terdapat 38 permit untuk surat khabar dan majalah telah dikeluarkan, manakala jumlah yang dibatalkan ialah sebanyak 9 berbanding dengan tempoh 1980 hingga tahun 1986 terdapat 115 permit dikeluarkan dan hanya 2 sahaja telah dibatalkan.

Dengan angka-angka yang saya bentangkan ini jelas sekali kepada kita bahawa zaman mutaakhir atau zaman terakhir ini jauh lebih bebas dari dahulu kerana tidak ramai yang ditahan tetapi lebih ramai yang telah dibebaskan. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa dakwaan dari Pembangkang yang mengatakan negara kita tidak bebas dan kita tidak memberi hak asasi manusia adalah tidak benar. Apakah bentuk kebebasan yang patut ada dalam negara yang berbilang kaum dan agama ini.

Pada masa yang lalu ramai orang menegur Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kita terlalu

liberal tetapi jawapan yang diberi bahawa rakyat kita telah dewasa dan tahu apa yang patut dibuat dan apa yang patut ditinggalkan. Pada hari Rabu yang lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengaku dalam Dewan yang mulia ini bahawa kepercayaannya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, sudah dewasa, tahu membezakan di antara yang boleh dicakapkan dalam khalayak ramai dan yang tidak boleh itu meleset sama sekali kerana pihak Pembangkang tidak tahu batas sensitif dan tidaknya. Mereka membangkit-bangkitkan atas perkara-perkara yang telah dipersetujui semasa kita menuntut kemerdekaan dahulu iaitu mengenai hak keistimewaan orang Melayu dan hak memberi kerakyatan.

Oleh kerana ada orang yang berani menyoal hak istimewa orang-orang Melayu maka sudah tentu ada orang Melayu akan membuka sejarah bahawa bumi yang dipijak ini tidak pernah bernama lain dari "Malay" iaitu "Malaya" atau "Malaysia". Kalau tidak ada orang yang menyakitkan hati orang Melayu dalam Dewan yang mulia ini, masakan Yang Berhormat dari Arau, Yang Berhormat dari Marang dan Yang Berhormat dari Kuala Terengganu serta Yang Berhormat dari Tanah Merah serentak bangun meminta penjelasan. Semua ini adalah pertanda-pertanda yang tidak mahu disedari oleh Pembangkang.

Dengan ini, saya menyokong atas tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melarang diadakan sebarang perhimpunan walaupun anjuran UMNO sendiri.

Saya percaya penahanan yang dilakukan itu adalah sementara sahaja untuk meredakan keadaan dan suasana yang kelam kabut sekarang ini. Sesiapa yang berani bermain dengan api terimalah akibat dan bahangnya. Sesiapa yang menjadi

penuntun dan hampir dekat sangat dengan api yang bernyala-nyala akan terkena juga bahangnya. Saya doakan Yang Berhormat dari Pasir Mas dan rakan-rakannya sentiasa selamat dan dipelihara Allah juga. Amin Yarabbul alamin.

Tuan Yang di-Pertua, semua orang cukup berhati-hati dan cermat dengan apa yang disebut "wang". Sebab itu juga kita sangat berhati-hati membincangkan mengenainya dalam Dewan yang mulia ini. Wang ringgit hendaklah diserahkan kepada orang yang beramanah untuk menjaganya. Adakah semua orang beramanah seperti Nabi dan Rasul? Kalau demikian keadaannya tentulah tidak berlaku apa-apa skandal dalam dunia ini. Pada sangkaan kita seseorang itu amanah maka kita pun memberi kepadanya kepercayaan tetapi selepas itu dikhianatinya. Begitulah hal dengan perkara-perkara yang disebut oleh Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini mengenai krisis keyakinan dan skandal.

Dengan ini, saya ingin bertanya kepada Pembangkang siapa yang mereka percayai dalam negara ini dan apakah jaminannya. Kita semua tahu bahawa amanah itu ada dalam hati nurani seseorang itu. Mungkin pada zahir kita lihat seseorang itu amanah tetapi setelah diberi kepercayaan kepadanya dan beberapa lama kemudiannya ia gelap mata walaupun pada mulanya dia cukup amanah.

Dalam keadaan-keadaan ini, kita patut berusaha mencari orang-orang yang terdapat padanya ciri-ciri amanah dan kemudiannya kita serah sahaja kepada Allah supaya kita tidak menjadi orang yang putus asa, sampai tidak percaya kepada semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita perhatikan kepada peristiwa-peristiwa yang lalu, kita dapati orang-orang yang beragama Islam jarang

melakukan pecah amanah kerana mereka tahu balasannya di akhirat kelak sangatlah dahsyat bagi orang yang pecah amanah. Amanah adalah satu nilai sangat tinggi, hanya orang-orang yang tinggi budinya sahaja dapat mencapainya. Dalam Islam, yang menjadi pegangan orang Melayu, bukan sahaja menekankan tentang amanah, tetapi diikuti dengan sifat-sifat lain yang menjadi amanah itu lebih tinggi nilainya dan prestasinya. Bagi mengukuhkan amanah, Islam menyuruh umatnya sideq, tabligh dan fatanah. Setiap Muslim terutamanya pemimpinnya mesti bercakap benar dan jujur di sepanjang masa. Mereka mesti menegur dan menyampai yang benar itu tetap benar. Selanjutnya sukarlah bagi orang Islam terjerumus ke dalam tembah yang hina itu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara tahun ini dan tahun-tahun yang lalu ada menyediakan peruntukan bagi menjaga keamanan dan menghukum orang yang bersalah. Kedua-duanya terletak dalam bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kehakiman. Kedua-dua Kementerian ini menjadi nadi kepada keamanan dan kesejahteraan ummah. Saya sebut perkara ini kerana ramai rakyat jelata dalam negara kita ini gelisah, sentiasa merasa bimbang dengan kes rogol yang semakin meningkat. Seorang ibu tidak senang bekerja di pejabat kerana sentiasa teringat kepada anaknya yang hendak ke sekolah atau hendak pulang ke rumah. Ibu-ibu di kampung sentiasa bimbang dengan anak perempuannya yang tunggal berhijrah ke Kuala Lumpur mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa persoalan telah timbul dalam perkara ini iaitu:

- (1) Mudahkah hendak menangkap orang yang sedang merogol sehingga dapat diambil gambarnya?

- (2) Mudahkah bagi seseorang gadis suci menceritakan bahawa ianya dirogol kecuali setelah ianya mengandung.
- (3) Mahukah gadis yang malang itu menceritakan sepenuhnya peristiwa yang berlaku kepadanya.

Barangkali tiga soalan yang tersebut di atas itulah yang menjadi dilemma dan kesulitan besar kepada pendakwa lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan peguam yang mencari kelemahan teknik. Oleh kerana mangsa rogol tidak dapat menjawab soalan peguam yang berbelit-belit hingga ianya pening kepala dan akhirnya dia tidak tahu apa yang dicakapnya dan terdapatlah pertentangan maklumat yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, si perogol terlepas bebas, tetapi gadis malang itu menderita sepanjang hayatnya. Di mana letaknya keadilan? Bagi perogol pula, kalau sabit kesalahannya tidak pernah menerima hukuman maksima 20 tahun, kecuali satu kes sahaja. Adakah kita lebih menaruh belas kasihan kepada perogol dari gadis malang yang meninggal titik hitam dalam hidupnya? Bukan itu sahaja, kes rogol akan semakin membiak dan ibubapa semakin resah dan gelisah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini ramai anak gadis kampung berhijrah ke bandar mencari kerja untuk menyara keluarganya yang miskin di kampung. Gadis-gadis ini juga sentiasa menjadi mangsa perogol, tetapi tidak dilaporkan kerana salah sendiri, terlalu percaya kepada orang kerana orang kampung tidak pernah menipu. Di dalam bandar, orang yang sudah beristeri mahu mengatakan ianya bujang supaya umpannya termakan, apatah lagi kepada orang yang benar-benar bujang memang mencari sesuatu yang percuma dan ting-ting. Akhirnya gadis kampung yang malang itu menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pertubuhan dan orang perseorangan yang menyatakan sebabnya hingga satu masa timbul isu yang hangat yang satu pihak mengatakan kepada satu pihak yang lain. Lelaki menyalahkan perempuan dan perempuan pula menyalahkan lelaki. Pada saya kedua-duanya itu sama sahaja, sama-sama salah dan sama-sama betul. Soalan-soalan berikut perlu mendapat jawapan dalam masalah ini:

- (1) Bagaimana hendak menyekat supaya orang jangan mabuk, kerana orang mabuk tidak kenal anak sendiri atau anak kawan?
- (2) Bagaimana menyekat wanita bandar memakai pakaian seluar pendek, lebih pendek dari seluar pendek lelaki di khalayak ramai, di taman-taman perumahan?

Ringkasnya kita perlu kepada kesedaran. Maka agen-agen media massa seperti Pegawai-pegawai Penerangan dan KEMAS patut mengambil ingatan atas perkara ini dan menasihatkan ibu bapa dan masyarakat supaya berhati-hati dan jangan mengambil perkara ini semudah-mudahnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengambil kesempatan ini, saya ingin mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyamak semula undang-undang rogol yang sedia ada dan mengenakan hukum rejam kepada perogol yang sabit kesalahannya secara mandatory dan hukuman itu dilakukan di khalayak ramai. Saya juga mencadangkan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri dan Penguatn Negara memperbanyakkan wanita-wanita terlatih membuat penyiasatan atas kes-kes rogol. Saya berharap pihak yang bertanggungjawab, pengadilan, jangan kasihan kepada perogol kerana

mangsanya lebih jauh menderita dari si perogol dan dengan itu hukuman maksima patut dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, ada orang mencadangkan supaya parti-parti politik jangan berniaga. Usul ini akan berubah sebaliknya, sekiranya mereka memerintah. Mereka mencadangkan demikian supaya UMNO jangan dibenar berniaga. Bukankah penglibatan UMNO dalam perniagaan akan menjamin atau mengelakkan dari merebaknya rasuah? Kalau ada sesuatu yang tidak betul ia boleh dibawa ke mahkamah. Adakah Pembangkang mencadangkan kepada UMNO supaya meminta sedekah dan tunduk kepada syarat dan tekanan. Kita hendaklah tegas, iaitu yang halal tetap halal dan yang haram itu tetap haram jua.

Tuan Yang di-Pertua, negara-negara di rantau ini khususnya ASEAN sangatlah bernasib baik dan bertuah kerana Malaysia mempunyai seorang tokoh yang berpengalaman sebagai Menteri Luar, menjadi Menteri Pertahanan. Kenyataan saya ini berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Mulia Menteri Pertahanan apabila ditanya mengenai kehadiran tentera asing di sebatang sungai di Johor, baru-baru ini. Beliau menjawab bahawa perkara itu boleh diselesaikan melalui semangat ASEAN. Apakah jawapan ini boleh menjamin perkara yang serupa tidak lagi berlaku di masa yang akan datang. Apakah akan berlaku kalau ada anak-anak nakal membedil tentera asing di buminya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas sikap Kementerian Pendidikan menaikkan pangkat guru-guru di seluruh negara. Dalam konteks ini, ingin saya mencadangkan supaya kenaikan pangkat itu janganlah bertujuan mengambil tugas

pentadbiran sahaja. Kita harus memperbanyakkan guru-guru dan pensyarah-pensyarah yang mempunyai minat dalam bidang pengkhususan mereka dan janganlah ditukar mereka untuk mengambil alih pentadbiran dan ini akan merugikan pengalaman mereka yang diperolehi bertahun-tahun. Apa yang sepatutnya dilakukan bahawa mereka ini dinaikkan pangkat tetapi terus mengajar di sekolah yang sesuai untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1988. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

4.30 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali bercakap di Dewan ini mengenai keadaan keselamatan yang semakin merosot di Sabah. Kebanjiran pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram bersama dengan wujudnya amoun senjata api yang besar telah mengancam keselamatan Negeri Sabah. Malangnya Kerajaan telah bersikap bisu terhadap masalah berat ini yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Sabah. Kerajaan sering kali telah menafikan bahawa wujudnya tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro atau Moro National Liberation Front di Sabah (MNLF).

Saya ingin menegaskan di sini bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa tentera MNLF berada di Sabah. Ini boleh dilihat daripada ilustrasi-illustrasi berikut.

Kes pertama melibatkan Encik Asbirin Kahabuddin bin Haji Amiri. Pada 24hb September, 1987 Encik Asbirin Kahabuddin yang mendakwa dirinya sebagai pemimpin Moro di Sabah telah pergi ke pejabat akhbar

Daily Express di Tanjong Aru untuk menjelaskan satu laporan akhbar. Pada 20hb Julai, 1987 adalah dilaporkan bahawa Encik Asbirin Kahabuddin dibunuh dalam satu pertempuran bersenjata api dengan askar-askar Kerajaan Filipina dan pemberontak-pemberontak Muslim di Sibucu, Zambonga. Adalah menghairankan bagaimana Encik Asbirin Kahabuddin dapat memasuki negeri Sabah, dan untuk beberapa lama ia berada di Sabah dan sama ada kepulangan ke Sabah adalah untuk membolehkannya mencari perlindungan di Sabah.

Kes kedua adalah berkaitan dengan satu laporan polis yang dibuat pada 18hb Jun, 1987 oleh seorang juruteknik gigi dari Hospital Duchess of Kent, Sandakan. Dalam laporan itu juruteknik gigi itu telah mendakwa bahawa pada 23hb Mei, 1987 pada kira-kira pukul 8.00 pagi seorang doktor bernama Dr Raghumandhana telah menelefonnya dan menasihatkan beliau dan suaminya supaya pergi ke Klinik Pergigian Tentera bertempat di Batu 7, Jalan Lapanganterbang, Sandakan. Tidak ada kerja bagi mereka di kem tentera tersebut. Apabila mereka membuat siasatan lanjut mereka diberitahu bahawa lima atau enam orang Moro akan pergi ke klinik pergigian untuk mencari fasat dengan mereka.

Adalah didakwa bahawa doktor pergigian di Hospital Duchess of Kent merupakan sahabat kepada orang-orang Moro itu. Mereka dipanggil untuk menakutkan pasangan suami isteri semata-mata kerana doktor pergigian ini mengsyaki bahawa pasangan suami isteri inilah yang melaporkan dia kepada Pengarah Perubatan Negeri Sabah kerana melanggar peraturan-peraturan Kerajaan. Atas nasihat Pegawai Pergigian Kanan di Sandakan, satu laporan polis telah dibuat pada 18hb Jun, 1987. Menteri Kesihatan hendaklah menyasat kes ini untuk

menentukan sama ada doktor pergigian tersebut, di Hospital Duchess of Kent telah melanggar peraturan-peraturan Kerajaan dan sama ada doktor berkenaan telah menggunakan sahabat-sahabat Moronya untuk mengancam kakitangan-kakitangan perubatan kita.

Pada bulan Julai tahun ini, pegawai-pegawai penguatkuasa Majlis Perbandaran Sandakan telah diserang oleh penjaja-penjaja haram yang merupakan anggota-anggota Moro.

Selepas PBS mengambilalih pucuk pimpinan Kerajaan Negeri Sabah dalam tahun 1985, satu kumpulan pemimpin-pemimpin MNLF telah datang ke Sandakan dan bermesyuarat dengan pemimpin-pemimpin MNLF di Sandakan di Sabah Hotel dan jumlah orang yang hadir di mesyuarat tersebut adalah kira-kira 30 hingga 40 orang.

Akhbar *Borneo Bulletin* telah melaporkan tahun lalu di bawah tajuk, dengan izin, "Guerrillas set up secret base off Sabah" di mana sebuah pulau yang dekat dengan Sandakan telah dipilih sebagai pengkalan rahsia mereka.

Di Sandakan ramai nelayan-nelayan tempatan keturunan Melayu telah mengadakan bahawa mereka dihalau daripada kawasan penangkapan ikan mereka kerana kawasan tersebut kini telah menjadi kawasan persembunyian anggota-anggota MNLF. Saya juga telah mengalami pengalaman yang sama dalam tahun 1979 apabila saya keluar mengail di kawasan tersebut yang terletak di muara bandar Sandakan.

Kehadiran pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram serta penemuan begitu banyak senjata api di negeri Sabah telah menjadi-jadi dan mengancam

keselamatan negeri Sabah. Kerajaan telah gagal untuk mengenalpasti siapakah sebenarnya pelarian, pendatang haram atau anggota MNLF di Sabah.

Kerajaan telah mendakwa bahawa pelarian-pelarian Filipina dibenarkan menetap di Sabah atas alasan-alasan perikemanusiaan, akan tetapi kehadiran mereka telah mengorbankan nyawa rakyat Malaysia yang tidak berdosa seperti serangan yang dilakukan ke atas Standard Chartered Bank di Lahad Datu tahun lepas di mana 10 orang telah dibunuh dan 11 orang lagi tercedera.

Banyak bot-bot penangkapan ikan kita telah dirampas dan dibawa ke Filipina, dan wang tebusan yang tinggi dibayar sebelum bot-bot tersebut dilepaskan. Ramai nelayan-nelayan bukan sahaja telah hilang bot-bot mereka tetapi juga nyawa mereka.

Adalah menjadi tugas suci Kerajaan untuk melindungi nyawa dan harta-benda rakyatnya serta kedaulatan tanahair kita. Pertimbangan-pertimbangan tidak harus dibuat berasaskan alasan-alasan kaum atau agama. Sesiapa sahaja yang melanggar prinsip ini hendaklah dianggap sebagai pengkhianat negara. Kerajaan hendaknya berhenti bermain politik dalam isu ini. Keselamatan Negeri Sabah adalah lebih penting daripada lain-lain pertimbangan.

Parti DAP menyeru Kerajaan menerangkan bagaimana tentera MNLF memasuki Negeri Sabah, langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkan keadaan keselamatan yang kian merosot di Negeri Sabah, dan nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghalau tentera MNLF, pelarian-pelarian Filipina dan pendatang-pendatang haram daripada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan dalam ucapannya atas Belanjawan tahun 1988 telah

menyentuhkan beberapa perkara dan antara lain beliau telah berkata bahawa syarikat-syarikat di Malaysia tertakluk kepada cukai maksima sebanyak 48% dan kini beliau bercadang memansuhkan cukai kelebihan keuntungan sebanyak 3%.

Saya rasa adalah lebih wajar dan munasabah bagi Kerajaan bertimbang untuk memansuhkan cukai pembangunan sebanyak 5%. Cukai ini mula-mula diperkenalkan dalam awal tahun 1960an semasa konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia. Cukai pembangunan ini diperkenalkan untuk membiayai Kerajaan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang ditanggung semasa konfrontasi. Namun demikian, cukai ini tetap dalam sistem percukaian kita walaupun konfrontasi telah tamat. Lebih dahsyat lagi, cukai pembangunan tidak mengambil kira sama ada sesebuah syarikat memperolehi keuntungan atau tidak, tetapi sebaik sahaja perniagaan bermula, mereka terpaksa membayar cukai pembangunan 5% setiap tahun. Ini amat tidak wajar bagi mereka yang mengalami kerugian dalam perniagaan mereka.

Maka adalah lebih wajar untuk memansuhkan cukai pembangunan 5% ini daripada cukai kelebihan keuntungan 3% kerana cukai kelebihan keuntungan hanya dibayar apabila keuntungan melebihi kadar statutori. Cukai kelebihan keuntungan hanya terpakai kepada keuntungan-keuntungan besar yang diperolehi oleh syarikat-syarikat yang mampu membayar cukai ini. Tetapi ini bukanlah sama dengan mereka yang terpaksa membayar cukai pembangunan 5%. Kami dari DAP mencadangkan kepada Kerajaan supaya memansuhkan cukai pembangunan 5% ini kerana cukai tersebut telah menyeleweng daripada tujuan asalnya dan dipakai terhadap semua perniagaan baik syarikat atau penjaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 260 juta ringgit adalah diperuntukkan untuk program pelajaran tinggi. Pada ketika ini ramai pelajar-pelajar kita dari Sabah menghadapi masalah untuk mendapat tempat di universiti-universiti tempatan untuk pelajaran tinggi, ramai daripada mereka ini terpaksa pergi ke luar negeri untuk mendapatkan pelajaran tinggi dan ini merupakan bukan sahaja pembaziran pertukaran wang asing tetapi juga menyebabkan kesusahan dari segi kewangan kepada ibubapa mereka. Bukan sahaja pelajar-pelajar kita yang ingin ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran yang masaiah kewangan, malah pelajar-pelajar kita yang belajar di universiti-universiti tempatan di Semenanjung Malaysia juga menghadapi masalah yang sama. Walaupun buat masa ini terdapat dua kampus universiti di Sabah tetapi kedua-dua kampus ini tidak menyediakan kursus-kursus yang diminati oleh sebilangan besar pelajar-pelajar kita.

Parti DAP rasa masanya telah sampai untuk menubuhkan sebuah universiti penuh di Sabah untuk memastikan pelajar-pelajar kita di Sabah dapat melanjutkan pelajaran tinggi mereka di Sabah di mana mereka dapat mengikuti kursus-kursus pilihan mereka. Bukan sahaja ini akan menjimatkan pertukaran wang asing serta mengurangkan beban ibubapa-ibubapa tetapi akan membolehkan pelajar-pelajar kita menikmati pelajaran tinggi di negeri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan tahun 1988 telah menegaskan tentang soal menyelesaikan masalah pengangguran di negara ini. Kadar pengangguran dianggarkan telah meningkat dari 9.1% dalam tahun 1987 kepada 9.4% dalam tahun 1988. Untuk mengurangkan masalah pengangguran, Kerajaan telah

mencadangkan penswastaaan serta pengurangan gaji permulaan kakitangan-kakitangan baru. Pengurangan gaji permulaan kakitangan baru merupakan pengeksploitan kelas pekerja yang akan menjejaskan taraf kehidupan pekerja-pekerja ini. Kerajaan untuk menjimatkan wang untuk perbelanjaan-perbelanjaan bersifat boros serta untuk menghadapi kerugian yang dialami dalam salah pengurusan ekonomi seperti pernah berlaku dalam skandal-skandal BMF, KWSP, MAKUWASA, Pasaran Bijih Timah di London dan lain-lain skandal telah melupakan tugas dan tanggungjawabnya untuk merapatkan jurang antara orang-orang kaya dan orang-orang miskin.

Bersabit dengan masalah pengangguran, adalah lebih wajar untuk Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk mencegah dan mengusir pelarian-pelarian dan pendatang-pendatang haram daripada negara ini kerana kehadiran mereka bukan sahaja merupakan satu risiko bagi negara dari segi keselamatan tetapi mereka yang merampas peluang-peluang pekerjaan rakyat kita.

Kerajaan berkata bahawa dengan penswastaaan, lebih banyak lagi pekerjaan akan diwujudkan, akan tetapi Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan urusan sedemikian tidak mencipta amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan percanggahan kepentingan di kalangan ahli-ahli politik tertinggi yang mengorbankan kepentingan negara, untuk kepentingan peribadi atau kepentingan parti-parti politik yang mereka menganggotai.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan September tahun ini, Kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) dengan kerjasama Institut Pengajian Pembangunan (IDS) telah

melancarkan satu kempen pendaftaran dan banci di negeri itu. Mengikut Kerajaan PBS, tujuan banci itu ialah untuk mencari satu penyelesaian yang bermanfaat terhadap masalah orang-orang asing di negeri Sabah. Ketua Menteri Negeri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan telah beberapa kali menegaskan bahawa orang-orang asing ini tidak akan dihantar balik ke tanahair asal mereka.

Dua orang pelarian, Encik Kendi dan Encik Hams telah membuat satu permohonan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu untuk mengisytiharkan bahawa kempen pendaftaran dan banci ke atas pendatang-pendatang dan pelarian haram yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri itu adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat menyentuh tentang permohonan itu kerana kes itu telah pun ditolak oleh Mahkamah Tinggi di Sabah. Apa yang ingin saya menyentuh adalah berhubungkait dengan isu pendatang haram.

Kedua-dua Encik Kendi dan Encik Hams adalah pemegang permit kemasukan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen yang membenarkan mereka menetap di negeri Sabah.

Encik Kendi mendakwa bahawa beliau berasal dari Pulau Tawi-tawi, Filipina dan sampai ke negeri Sabah pada tahun 1980 dan ia mempunyai sebuah pas yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen sejak tahun 1984. Pas ini akan hanya tamat pada bulan Mac, 1988.

Encik Hams pula menyatakan bahawa ia memasuki negeri Sabah pada tahun 1977 dan Jabatan Imigresen ada mengeluarkan sebuah pas lawatan pada 26hb September, 1985. Pas yang dipegangnya adalah sah sehingga 11hb Disember, 1987.

Kedua-dua mereka telah mendaftarkan diri dengan pihak Polis pada butan April tahun ini semasa pihak Polis melancarkan kempen "Operasi Bersih" untuk mendaftarkan pendatang-pendatang dan pelarian haram di Sabah.

Saya rasa hairan mengapa Kerajaan PBS mahu melancarkan kempen pendaftaran pada tahun yang sama sedangkan pihak Polis sudah pada awalnya menjalankan kerja-kerja pendaftaran orang asing di negeri itu. Tidak bolehkah Kerajaan PBS bekerjasama dengan pihak Polis untuk melaksanakan kempen pendaftaran sekaligus supaya dapat menjimatkan tenaga, wang dan masa?

Nampaknya pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai pertalian rapat dan kepercayaan di antara satu sama lain dalam perkara ini. Ini telah menimbulkan kekecohan yang memberi peluang kepada orang-orang asing itu membuat permohonan di Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan pengisytiharan bahawa kempen pendaftaran dan banci yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan IDS adalah tidak sah di mana salah satu alasan yang digunakan ialah hanya Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa eksekutif di bawah Perkara Pasal 80 (1) Perlembagaan Persekutuan untuk menjalankan pendaftaran dan bancian.

Apa yang anih ialah kedua-dua Encik Kendi dan Encik Hams telah masing-masing memasuki negeri Sabah secara haram pada tahun 1980 dan 1977 dan diberikan pas-pas oleh Jabatan Imigresen untuk menetap di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang Imigresen, sesiapa yang memasuki negara ini secara haram patut didakwa atau dihantar balik seperti apa yang dilakukan ke atas orang pelarian, contohnya pelarian Yietnam diasingkan di Pulau

Bidong dan lain-lain tempat. Pas-pas kemasukan tidak diberikan oleh Jabatan Imigresen.

Pendatang haram dan orang pelarian di Sabah diberi layanan yang istimewa. Sebab-sebabnya hanya diketahui oleh pihak yang berkuasa dan Kerajaan mesti memberi penjelasan-penjelasan yang penuh bagaimana kejadian yang tidak "consistent" (dengan izin) ini boleh berlaku di negara ini.

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah pihak berkuasa telah menyalahguna kuasa mereka kerana memberi status sah kepada pendatang-pendatang dan orang pelarian yang memasuki secara haram kerana tindakan ini telah melanggar dan mencabuli undang-undang Imigresen. Mereka yang mencela undang-undang ini harus didakwa dan dihukum dengan tegasnya.

Pada masa ini negeri Sabah dibanjiri dengan tidak kurang dari 400,000 pendatang haram dan orang pelarian. Pihak Kerajaan hendaklah memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah pas-pas kemasukan dikeluarkan dan diberi kepada pendatang dan orang pelarian haram di negeri Sabah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sandakan, ada yang bangun. Hendak minta penjaslankah?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Minta penjelasan.

Tuan Fung Ket Wing: Tidak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri.

Tuan Fung Ket Wing: Tingkah-laku dan sikap pihak Kerajaan Persekutuan telah menggalakkan semakin ramai

pendatang-pendatang dan pelarian-pelarian haram untuk membanjiri negeri Sabah. Kedatangan mereka telah mengancamkan nyawa, harta-benda dan keselamatan negeri itu. Nampaknya setakat ini, pihak Kerajaan Persekutuan telah gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya untuk mengawal kemasukan pendatang-pendatang dan pelarian-pelarian haram ke dalam negeri Sabah.

Oleh kerana kuasa Imigresen dipertanggungjawabkan sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan maka saya ingin menyeru Kerajaan Persekutuan untuk menggunakan kuasa-kuasanya bagi menghalau semua pendatang-pendatang haram dan orang pelarian dari negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menyesali tuduhan-tuduhan terhadap DAP yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri di dalam Dewan yang mulia ini pada 28hb Oktober, 1987. Tuduhan-tuduhan tersebut adalah termasuk dakwaan bahawa DAP gemar membangkitkan isu-isu yang berbau perkauman.

Tuduhan-tuduhan itu adalah tanpa asas, tidak adil dan serius kerana kami yang berada di DAP berideologi multi-racialism atau berbilang kaum, dan kami sentiasa bertungkus-lumus untuk mencapai satu masyarakat berbilang kaum atau satu masyarakat yang berasaskan prinsip "Malaysian Malaysia".

Dengan membuat tuduhan-tuduhan yang tanpa asas, yang tidak adil dan yang serius itu, bukankah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermakna bahawa satu juta pengundi yang menyokong DAP pada pilihanraya umum yang lalu itu juga berperangai cauvinis dan suka membuat kacau-bilau.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberitahu Dewan yang mulia ini sekali lagi bahawa dari sisi Perlembagaan dan juga undang-undang, DAP adalah satu parti politik yang tidak berbeza daripada UMNO ataupun parti-parti politik lain di negara ini kecuali prinsip dan asas perjuangannya.

Kami yang ada di dalam DAP tidak pernah sekalipun menyoalkan atau mencabarkan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan. Kami juga tidak pernah sekalipun menyoalkan atau mencabarkan sistem Perlembagaan Beraja.

Akan tetapi, kami yang ada di dalam DAP terus berjuang untuk mempertahankan hak-hak orang-orang Malaysia yang bukan keturunan Melayu, yang dijamin oleh Perlembagaan. Kami tidak mahu lihat hak-hak yang sah ini digugat oleh pelampau-pelampau yang mencadangkan dan cuba menganjurkan polisi "satu bahasa dan satu kebudayaan". Kami juga tidak mahu hak-hak asasi orang-orang Melayu dicabuli.

DAP bukanlah menentang masyarakat orang Melayu yang matang dan munasabah. Apa yang kami tentang adalah segelintir hero yang bukan sahaja tidak ada pengetahuan mengenai sejarah negara ini, tetapi juga tidak mahu menerima hakikat bahawa negara ini adalah berbilang kaum.

Saya tidak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengulaskan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh pihak DAP seperti pungutan tol, FELDA, Perikanan, nelayan dan sebagainya. Ini merupakan satu kecuaiian Yang Amat Berhormat yang sentiasa menekankan sikap yang adil.

Parti DAP sangat menyesali sikap Kerajaan yang sengajanya mahu memutar-belitkan pendirian yang

dipegang oleh DAP dalam beberapa isu dan cuba memperdayakan rakyat bahawa DAPlah yang bertanggungjawab ke atas masalah yang timbul dan menjadikan DAP sebagai "scapegoat" parti yang hendak dikorbankan oleh pihak UMNO.

Kami dalam DAP percaya bahawa pihak Kerajaan seharusnya mengkaji dengan sedalam-dalam dan ikhlasnya isu-isu yang dibangkitkan oleh DAP dan seterusnya ambil langkah-langkah yang adil dan saksama untuk mengatasi masalah-masalah sosial, politik dan ekonomi dalam negara ini.

Kami berpendapat bahawa lebih baik bagi Kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas untuk menghapuskan segala ketidak-adilan sosial, ekonomi dan politik supaya segala sebab-sebab akar-umbi yang mengakibatkan masalah ini dapat dihapuskan sama sekali.

Tidak ada gunanya bagi Kerajaan untuk memberi penjelasan-penjelasan yang simplistik dan menuduh parti DAP dan lain-lain golongan dan individu kerana rakyat jelata dan juga para pelabur asing ada mata, telinga, dan otak untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku.

Akhirnya DAP menyeru pihak Kerajaan membebaskan semua orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri baru-baru ini dengan segeranya kerana penahanan ini telah meningkatkan perasaan ketakutan dan kebimbangan di kalangan orang ramai. Operasi polis ini telah menjejaskan imej kita sebagai sebuah negara yang demokratik.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sik.

5.10 ptg.

Dato' Zainal Abidin bin Johari (Sik):
Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

menggunakan kesempatan ini bagi membahaskan Anggaran Belanjawan 1988 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Di dalam hubungan ini terdapat berbagai reaksi mengenainya iaitu mengenai Belanjawan. Ada golongan yang menyatakan bahawa Belanjawan tersebut adalah melegakan, ada yang berkata ianya adalah satu Belanjawan biasa atau dengan izin Tuan Yang di-Pertua, routine Budget. Tetapi yang anihnya ada pula yang berkata Belanjawan tersebut adalah kelabu atau masih samar-samar. Pada hemat saya mungkin golongan yang terakhir ini sungguhpun warna kulit mereka cerah tetapi suka bergaul atau berkawan dengan orang-orang yang berwarna kelabu sehingga fikiran mereka pun juga turut menjadi kelabu, ataupun kemungkinan besar golongan ini suka mengelabukan fikiran rakyat di atas kekelabuan mereka sendiri. Golongan-golongan ini bolehlah dianggap sebagai bodoh sombong. Kata pepatah Melayu yang membawa erti, "cerdik tidak boleh diikut, bodoh tidak boleh diajar".

Saya adalah sependapat dengan majoriti bahawa Belanjawan yang telah dibentangkan itu adalah merupakan satu Belanjawan yang amat sederhana. Berbelanja mengikut kemampuan adalah suatu langkah yang bijak dan selaras dengan suruhan dan tuntutan agama Islam yang maha suci di mana Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda, "jagalah kekayaan kamu sebelum habis", manakala Allah s.w.t. pula berfirman, "orang-orang yang boros itu adalah sahabat Syaitan".

Di dalam konteks ini walaupun negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi tetapi nyata sekali Belanjawan yang telah dibentangkan itu telah disusun dengan rapi tanpa membelakangkan unsur-unsur pembangunan sesuai dengan

keadaan dan aspirasi rakyat. Sungguhpun begitu, saya akan merasa lebih berbahagia atau lega sekiranya peruntukan dari segi aspek pembangunan ini dapat ditambah atau dinaikkan kepada paras minima 30% dan tidaklah terhad kepada 24.4% sahaja daripada Anggaran Belanjawan sebagaimana yang telah dibentangkan. Jumlah kenaikan sebanyak 5.6% itu adalah dianggarkan sebanyak \$1.57 ribu juta. Jumlah ini saya cadangkan hendaklah diagihkan kepada sektor sosial dan sektor keselamatan yang mana Anggaran Belanjawan sektor masing-masing sekarang ialah berjumlah sebanyak \$1.6 ribu juta dan \$500 juta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak keterlaluan jika saya nyatakan di sini bahawa musuh utama negara pada ketika dan saat ini ialah bukannya soal kemiskinan tetapi hakikat yang sebenarnya ialah musuh utama kita ialah soal penyalahgunaan dadah, perpaduan kaum dan paling utama keselamatan negara. Ketiga-tiga aspek ini mempunyai pertalian dan hubung kait yang paling dekat di antara satu dengan yang lain bagi menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara. Andainya ketiga-tiga faktor yang saya sebutkan terlebih awal tidak diberi perhatian yang total saya merasa khuatir negara kita satu masa nanti akan bertukar menjadi negara Lebanon yang kedua di dunia ini.

Mengenai dengan soal penyalahgunaan dadah, tidaklah dapat dinafikan bahawa perkara tersebut sedang berlaku secara berluasa di merata ceruk, lebih-lebih lagi di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan sebagainya. Pendek kata jika hendak diberkas mereka ini dalam tempoh satu hari mungkin Stadium Merdeka pun tidak cukup besar untuk menempatkan mereka. Kelemahan untuk memberkas penagih-penagih dadah ini sebenarnya tidaklah terletak di atas bahu penguatkuasa undang-undang tetapi sebenarnya adalah

terletak di atas bahu Kerajaan sendiri yang tidak menyediakan pusat-pusat pemulihan yang secukupnya bagi menampung penagih-penagih ini. Oleh hal yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mendirikan paling kurang sebuah Pusat Seranti di dalam tiap-tiap negeri dan jika perlu di setiap daerah di negara ini dengan seberapa segera bagi memerangi wabak dadah ini secara total. Pada hemat saya tidak ada gunanya kita berucap untuk memerangi wabak dadah ini tanpa mengambil tindakan yang tegas dan praktikal untuk mengubati penyakit yang sama-sama kita sedar dan tahu bahawa ianya akan memusnahkan generasi muda kita yang amat kita sayangi.

Aspek kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan perpaduan kaum di negara ini. Kita semua sedar bahawa perpaduan kaum ini hanya boleh dicapai melalui pendidikan dan sikap ikhlas dari semua pihak. Golongan muda diasuh di bangku sekolah sejak kecil lagi, manakala yang sudah dewasa melalui pergaulan, perniagaan, seminar, dialog dan sebagainya. Namun begitu, masih terdapat ramai lagi rakyat di negara ini yang masih kurang arif atau kurang faham ataupun sengaja tidak mahu faham dengan istilah dasar serta konsep kebangsaan ini. Sikap dan sifat cauvistik ini perlu dikikis habis-habisan kerana orang-orang daripada keturunan Melayu sendiri telah banyak berkorban demi perpaduan ini. Negeri kepunyaan dan tempat tumpah darah mereka telah bertukar daripada Semenanjung Tanah Melayu kepada Malaysia, manakala Bahasa Melayu pula menjadi Bahasa Malaysia, yang tinggal pun hanyalah Keretapi Tanah Melayu.

Di sini saya ingin menyoalkan sama ada golongan cauvistik tadi sedar atau tidak bahawa orang-orang yang berketurunan Melayu juga adalah sensitif dengan kemelayuan mereka.

Mereka juga ingin mengekalkan identiti mereka sebagai bangsa Melayu tetapi demi perpaduan dan kesejahteraan kaum di negara ini orang-orang Melayu telah merelakan supaya identiti mereka diubahsuai seiras dengan kehendak zaman. Oleh yang demikian, saya ingin mengingatkan supaya lain-lain keturunan di negara ini supaya memandang dan merenung masa depan negara ini dengan lebih rasional dan hati yang terbuka, dengan sifat-sifat kebangsaan dan bukanlah dengan sifat-sifat prejudis yang mementingkan satu puak atau kaum sahaja.

Di samping itu saya ingin menyeru supaya Kementerian Pendidikan melaksanakan dengan sepenuhnya segala dasar sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Pelajaran tanpa berlengah-lengah lagi.

Begitu juga lain-lain Kementerian yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan masalah perpaduan kaum ini hendaklah melipatgandakan usaha bagi memupuk dan meniupkan semangat kebangsaan ini dengan lebih agresif dan berkesan.

Aspek yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah meliputi soal-soal keselamatan negara. Tidaklah dapat dinafikan bahawa tanpa keselamatan dan keamanan negara tentu sekali tidak akan mencapai tahap pembangunan, kemakmuran, keharmonian dan kesejahteraan hidup sebagaimana yang sedang kita kecap pada masa kini. Peristiwa pendaratan beberapa orang tentera asing di Johor baru-baru ini sudah jelas mempamirkan kelemahan benteng pertahanan kita tanpa mengambil kira sama ada pendaratan tersebut telah dirancang terlebih awal ataupun tidak.

Daripada Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya merasa dukacita kerana aspek pertahanan, terutamanya belanja pembangunan yang diagihkan kepada

Kementerian Pertahanan adalah terlalu kecil dan tidak mencukupi, hatta untuk menampung keperluan-keperluan asas yang perlu diatasi. Bayangkanlah aspek dan pembangunan yang boleh dilakukan oleh Kementerian Pertahanan sekiranya peruntukan belanja pembangunan kepada mereka cuma berjumlah \$200 juta ataupun 3.02% sahaja daripada keseluruhan Belanjawan Pembangunan negara. Saya merasa yakin bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan serta Pegawai-pegawai Tinggi Tenteranya tentu sekali merasa gelisah dan berada di dalam situasi serba salah untuk memikirkan jalan keluar tentang cara-cara bagi mempertingkatkan tahap etika kerjaya mereka sebagai tembok pertahanan negara ini.

Bagi mengatasi masalah pertambahan kepada belanja pembangunan yang lebih besar dan munasabah, wajiblah diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan, tujuannya ialah untuk mempertingkatkan dan mengemaskinikan keupayaan serta kemampuan Angkatan Tentera kita dengan senjata-senjata serta lain-lain peralatan yang lebih moden dan sophisticated. Soal pertahanan negara mestilah diberi perhatian yang khusus supaya daya ketahanan dan tindak balas kita menjadi lebih berkesan. Saya juga menaruh keyakinan jika peruntukan yang secukupnya dipanjangkan kepada Kementerian Pertahanan, maka peruntukan tersebut bolehlah dipelbagaikan juga demi mempertingkatkan moral serta bidang kebajikan anggota-anggota tentera serta keluarga mereka. Pada masa ini kepincangan di segi moral begitu ketara sekali akibat kurang layanan pihak berkuasa terhadap mereka, terutamanya di segi kemudahan-kemudahan asas.

Sebagai contohnya, sehingga sekarang kita masih dapat melihat perajurit-perajurit kita yang

menggunakan trak-trak tentera basah kuyup apabila berlaku hujan. Ini adakah disebabkan kain-kain penutup trak atau canopy trak-trak tersebut sudah usang, reput dan kadangkala tidak mempunyai kain canopy langsung. Saya merasa sedih bercampur marah di atas kejadian-kejadian seperti ini kerana mengenangkan nasib yang terpaksa dilalui oleh perajurit-perajurit itu. Pada hemat saya, mereka ini yang telah rela untuk menggadaikan usia remaja, hatta darah dan nyawa mereka terhadap tanahair ini tidak sepatutnya diperlakukan sedemikian rupa.

Satu lagi aspek ialah mengenai soal peruntukan rumah kelamin bagi anggota-anggota tentera. Sungguhpun di dalam masa kebelakangan ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah memberikan perangkaan yang terperinci di dalam Dewan yang mulia ini mengenai jumlah rumah kelamin yang sedia ada, sambil menghuraikan pelbagai tindakan yang bakal diambil bagi mengatasi keperluan ini, tetapi saya merasa yakin bahawa dengan peruntukan Belanjawan yang telah diagihkan pada tahun ini nescaya segala perancangan yang telah diatur dengan begitu rapi tentu sekali akan menemui jalan buntu. Akhirnya perajurit-perajurit kita yang dianggap sebagai pahlawan-pahlawan tanahair itu terpaksa juga tinggal ataupun terus menyewa di rumah-rumah setinggan juga; pi-mai pi-mai, kata orang Kedah, dok takok itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk memerangi dan membasmi pegganas-pegganas komunis yang masih berkeliaran di hutan belantara kita, terutamanya di perbatasan Malaysia-Thai adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya di atas bahu Pasukan Keselamatan kita. Di dalam proses ini banyak di antara mereka yang telah tercedera, cacat anggota, terkorban dan sebagainya, isteri-isteri terjanda dan anak-anak

teryatim. Justeru itu, lahiriah beberapa orang wira yang telah dianugerahkan bintang-bintang keberanian sebagai pengiktirafan di atas jasa dan keperwiraan mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu sedia maklum bahawa Bintang Keberanian Seri Pahlawan Gagah Perkasa adalah merupakan satu anugerah bintang yang terkanan sekali di dalam senarai bintang-bintang kehormatan yang terdapat di negara ini. Bagaimanapun, adalah satu perkara yang pating malang kerana pemilik-pemilik bintang ini tidak mendapat penghormatan atau pengiktirafan yang sewajarnya selaras dengan kedudukan bintang tersebut. Perkara ini jauh berbeza dengan amalan yang berlaku di luar negeri, terutamanya di England di mana penyandang-penyandang Bintang Keberanian Victoria Cross, walau haiwan sekalipun mendapat penghormatan yang tinggi dan tempat yang sewajarnya di sisi masyarakat. Pada hemat saya, di negara ini Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi perkara yang tidak seimbang ini.

Sebagai permulaan, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya setiap pemilik Bintang Keberanian Seri Pahlawan Gagah Perkasa hendaklah dianugerahkan juga wang tunai sebanyak \$100,000 sebagai anugerah sampingan, manakala setiap pemilik Pingat Gagah Berani pula dianugerahkan wang tunai sebanyak \$50,000 sebagai penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan dan rakyat jelata negara ini di atas keperwiraan pahlawan-pahlawan tanahair itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya telah mendapat faham bahawa terdapat purata sekurang-kurangnya 5,500 orang perajurit menamatkan perkhidmatan mereka pada setiap tahun. Sebilangan besar daripada jumlah ini tidak menerima pencen oleh kerana perkhidmatan mereka ini

kurang daripada 21 tahun. Walaupun Kementerian Pertahanan telah memberi galakan dan kemudahan kepada mereka untuk menjalani kursus-kursus peralihan untuk tempoh di antara 6 sehingga 18 bulan sebagai persiapan awal untuk melengkapkan bakal-bakal bekas perajurit tersebut untuk memulakan kehidupan baru sebagai seorang awam, namun saya merasakan bahawa masih terdapat banyak lagi ruang yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu serta memperbaiki segala kelemahan terhadap segala kemudahan yang sedia ada. Ini adalah selaras dengan polisi Kerajaan yang kerap kali memainkan sentimen kononnya bekas-bekas perajurit di tanahair sentiasa diberi perhatian dan keutamaan dan di dalam serba-serbi sebagai mengenang jasa di atas segala pengorbanan mereka terhadap negara.

Di dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan melaksanakan perkara-perkara berikut bagi meringankan bebanan bekas-bekas perajurit.

Pertama, masanya sudah tiba bagi Kerajaan menubuhkan satu modal pusingan atau, dengan izin, "revolving fund" bagi membantu bekas-bekas perajurit di dalam perniagaan dan pembuatan. Perkara ini adalah sesuai dan selaras dengan konsep serampang dua mata pembentangan Belanjawan 1988. Memandangkan bahawa Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi sektor ekonomi adalah berjumlah \$4,100 juta, maka adalah berketepatan jika sekiranya sejumlah \$100 juta diperuntukkan bagi penubuhan modal pusingan ini.

Kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu sedia maklum bahawa terdapat pelbagai jenis ketukangan ataupun, dengan izin, "trades" di dalam Angkatan Tentera. Ada di antara pegawai-pegawai dan lain-lain peringkat yang menjalani kursus

tersebut di luar negeri, bagaimanapun segala kelulusan ketukangan yang dimiliki itu tidak langsung diiktiraf oleh sektor awam jika pemilik-pemilik ketukangan tersebut tidak menduduki peperiksaan yang dikelolakan oleh Lembaga Latihan Persijilan Pertukangan Kemahiran Kebangsaan. Ini adalah satu perkara yang anih oleh kerana taraf ketukangan yang dimiliki oleh anggota-anggota Angkatan Tentera itu jika tidak melebihi taraf, bahkan ianya tentu sekali setanding dengan tahap atau kadar peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Latihan Persijilan Pertukangan Kemahiran Kebangsaan. Akibat ketidak-seimbangan permasalahan ini menyebabkan ramai bekas-bekas perajurit sedang mengalami kesukaran untuk mendapat pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan pengalaman dan kemahiran mereka, baik di dalam sektor awam mahupun sektor swasta. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji dan mencapai titik-titik penyelesaian supaya sektor awam dan swasta mengiktiraf segala kekurangan yang terdapat di dalam Angkatan Tentera.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa Kementerian Perusahaan Awam telah mengenakan syarat bahawa pemohon-pemohon permit teksi hanya layak dipertimbangkan apabila mereka itu memiliki lesen PSV bagi tempoh yang tidak kurang daripada 5 tahun. Dalam hubungan ini, saya sekali lagi merasa anih kerana adalah mustahil bagi bekas-bekas perajurit yang baru menamatkan perkhidmatan ketenteraan mereka memenuhi syarat tersebut. Di dalam konteks ini, saya tidak nampak sesuatu yang rasional di dalam mengenakan syarat tersebut ke atas bekas-bekas perajurit oleh kerana golongan ini sudah pun diiktiraf sebagai golongan yang mesti diberi

keutamaan untuk memiliki permit teksi yang diperlukan. Oleh yang demikian, saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri supaya menyemak semula syarat-syarat ini dan memperbetulkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan mengapa sedikit sebanyak keutamaan dan keistimewaan diperlukan oleh bekas-bekas perajurit. Pakaian seragam iaitu uniform hijau yang dipakai oleh anggota tentera merupakan tirai pemisah yang memisahkan terus anggota tentera dari kehidupan awam. Dalam masa perkhidmatan tentera, mereka mengikut undang-undang tentera—jalan cara tentera, makan cara tentera, bercakap bahasa tentera, tidur cara tentera dan segala-galanya cara tentera.

Pemisahan ini pula memakan masa yang begitu lama, ada yang 10 tahun dan ada pula yang 21 tahun. Kalau mula memasuki tentera muda "trang-tangtang" seorang diri, tetapi bila tamat perkhidmatan atau bersara, terpaksa menyewa lori bukan untuk mengangkut barang, tetapi untuk memuat seiuruh anggota keluarga yang sekian ramai. Dan bila pulang ke kampung pula, mereka belum pasti ada rumah dan tanah sendiri. Mereka terpaksa memulakan kehidupan baru sebagai orang awam. Mereka telah lama terputus perhubungan, mereka tidak kenal sesiapa. Kalau mereka membuat sesuatu permohonan pun, mereka terpaksa bersaing hebat dengan berbagai jenis manusia. Lainlah pula kalau Kerajaan memikirkan yang mereka ini dibolehkan memasuki UMNO semasa dalam tentera. Inilah yang menjadi masalah besar kepada anggota-anggota bekas perajurit.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh para perajurit yang sedang berkhidmat serta bekas-bekas

perajurit. Sungguhpun perkara-perkara yang saya timbulkan ini mungkin dianggap perkara yang kecil dan remeh-temeh tetapi pada hakikatnya, saya berpendapat bahawa jikalau kita dapat mengesan kesalahan-kesalahan kecil yang tidak diperbetulkan, maka sudah pasti di bawah permaidani yang tebal dan indah di dalam pejabat-pejabat mewah yang berhawa dingin terdapat longgokan sampah sarap kesalahan besar yang lebih dahsyat lagi yang cuba dilindungi. Pun begitu secara ikhlas saya menyatakan di sini bahawa keutuhan sesebuah negara itu banyak bergantung kepada kemantapan bidang pertahanan yang seiring sejalan dengan pembangunan dan perkembangan ekonomi. Sekiranya berlaku sesuatu kepincangan kepada salah sebuah daripada sektor ini, maka sudah pasti negara ini lambat iaun akan purak-peranda sambil menuju ke jalan kehancuran.

Napoleon, pemimpin orang Perancis pernah membuat ungkapan bahawa tidak terdapat askar-askar yang jahat, kecuali pemimpin-pemimpinnya. Ini membuktikan dasar Kepimpinan Melalui Teladan mestilah didahului oleh pemimpin-pemimpin terlebih dahulu. Kebajikan orang-orang bawahan terutama askar-askar laskar mestilah dibekahkan perhatian secara terperinci. Andainya tidak, peristiwa 21 Melayu Diraja di Sandakan pada awal tahun 1980an tentu sekali akan berulang lagi. Begitu juga di dalam masa yang singkat, di masa hadapan tentu sekali kita tidak akan dapat mengelakkan diri daripada melihat lebih ramai lagi "prebet Adam Jaafar" berkeliaran di merata pekan dan bandar di tanahair. Begitu juga dengan nasib bekas-bekas perajurit. Sesungguhnya pada masa ini mereka sudah memperlihatkan sikap kebosanan di atas segala "lip service", dengan izin, yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan, kononnya golongan ini mendapat layanan yang istimewa

setelah menamatkan perkhidmatan. Pada hal perkara yang sebaliknya sedang berlaku dengan berleluasa.

Perlu kita sedar bahawa bekas-bekas perajurit sekarang bukan lagi terdiri daripada mereka yang buta huruf, buta mata dan buta hati. Mereka sedar bahawa bekas-bekas pengganas komunis yang menyerah diri telah mendapat layanan yang baik daripada Kerajaan termasuk berbagai-bagai hadiah yang lumayan. Oleh yang demikian, sebelum sesuatu angkara dicituskan oleh bekas-bekas perajurit, maka adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab pihak yang berwajib untuk menentukan supaya kebajikan sara kesempurnaan hidup mereka ini tidak diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia yang tercinta ini adalah sebuah negara yang sedang membangun yang sangat unik dari segi struktur ekonominya. Walaupun Kerajaan telah memperhebatkan pembangunan perindustrian, oleh kerana sememangnya untuk sesebuah negara itu mencapai taraf pembangunan yang pesat, sektor perindustrian harus dimajukan, tetapi haruslah diingatkan bahawa sektor pertanian masih kekal sebagai sektor terpenting di dalam negara ini. Pendapatan eksport hasil-hasil pertanian negara masih memainkan peranan penting. Sebahagian besar penduduk negara ini masih tinggal di sektor luar bandar atau sektor pertanian dan begitulah juga di Dewan yang mulia ini juga dianggotai oleh sebahagian besar wakil-wakil dari sektor luar bandar.

Saya tidaklah bertujuan untuk mempertikaikan atau untuk menafikan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan semenjak merdeka bagi memajukan sektor luar bandar. Sebenarnya saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas perhatian yang berat yang telah diberikan untuk

memajukan sektor luar bandar. Kerajaan telah berjaya menempatkan berpuluh-puluh ribu keluarga di kawasan pertanian yang baru dibuka seperti di rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan RISDA serta agensi-agensi pembangunan wilayah yang lain.

Kerajaan juga telah berjaya memperbaiki infrastruktur pertanian di kawasan-kawasan pertanian di merata-rata tempat di negara ini yang melibatkan beribu-ribu juta ringgit. Kesemua ini kita bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan, tetapi perkara yang saya ingin kemukakan di dalam Dewan yang mulia pada hari ini adalah mengenai nasib petani-petani di dalam sektor pertanian tradisional yang terdiri daripada pesawah-pesawah padi, pekebun-pekebun kecil, penanam-penanam sayur ataupun pengusaha-pengusaha ladang secara kecil-kecilan.

Walaupun mereka ini juga telah mendapat nikmat sedikit sebanyak daripada usaha-usaha pembangunan Kerajaan tetapi sebilangan besar mereka masih berada di dalam kategori mereka yang berada di bawah garis kemiskinan.

Saya tidak juga menafikan bahawa terdapat berbagai agensi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk membantu golongan ini tetapi di dalam jangka panjang petani-petani itu sendiri harus mengubah nasib mereka sendiri. Petani-petani itu sendiri harus bersatu di dalam institusi mereka sendiri seperti yang disarankan di dalam Dasar Pertanian Negara. Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan telah dikenalpasti sebagai institusi yang paling berkesan untuk mengubah nasib petani-petani tersebut.

Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan yang sememangnya mempunyai dasar untuk memajukan Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan sebagai institusi

menggerakkan masyarakat tani ke arah kegiatan-kegiatan yang produktif. Isu yang saya ingin kemukakan di sini bahawa dasar tersebut hendaklah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh, secara serius dan dihayati dengan sepenuhnya. Saya amat kecewa kerana dasar sedemikian berkemungkinan tinggal sebagai satu konsep untuk tujuan akademik sahaja. Dasar pembangunan Pertubuhan Peladang Kawasan sebagai satu pergerakan institusi masyarakat tani bertujuan menggerakkan masyarakat tani secara produktif semestinya dijalankan dengan bersungguh-sungguh.

Pertubuhan Peladang Kawasan harus menjadi satu badan yang benar-benar berupaya membantu ahli-ahli peladang, memainkan peranan menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk pengeluaran, memainkan peranan pemasaran, pemerosesan dan kredit pertanian. Untuk mencapai matlamat ini Pertubuhan-pertubuhan Peladang harus diberi sokongan untuk memperkuat kedudukan kewangan mereka kerana untuk mengharapkan petani-petani sendiri menyumbangkan modal adalah tidak munasabah.

Peluang-peluang perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pertanian hendaklah diberikan kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang supaya keuntungan yang diperolehi dapat memperkukuhkan kedudukan kewangan Pertubuhan Peladang. Kontrak-kontrak kecil penjagaan taliair, jalan-jalan pertanian, pembekalan input pertanian hendaklah dikhasnya kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang.

Kita harus mencontohi pergerakan Pertubuhan Peladang yang lain di negara-negara Jepun, Taiwan dan Korea Selatan. Di negara-negara ini Kerajaan memberi sokongan

kewangan yang kuat kepada pergerakan Pertubuhan Peladang dan hasil daripada sokongan tersebut pada hari ini peranan Pertubuhan-pertubuhan Peladang di negara berkenaan telah berjaya mengubah corak pertanian, membantu usaha Kerajaan menolong petani-petani. Saya amat keciwa kerana pada hari ini usaha-usaha memajukan pergerakan Pertubuhan Peladang di negara ini hanya dibebankan kepada Kementerian Pertanian sahaja. Kementerian-kementerian lain juga hendaklah memberi sokongan dan memahami hasrat mengapa pergerakan Pertubuhan Peladang harus dimajukan, terutamanya Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab mengendalikan kontrak-kontrak untuk memberi pertimbangan kepada tawaran-tawaran daripada Pertubuhan Peladang.

Konsep Skim Payung, Kontrak Pusat Perbandaran harus diperluaskan kepada berbagai-bagai jenis barang-barangan dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang di seluruh negara. Bukan hanya sekadar memayung telur sahaja.

Melalui rangkaian pergerakan Pertubuhan Peladang di seluruh negara, saya percaya banyak barangan-barangan dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh Pertubuhan Peladang di bawah konsep Skim Payung, Kontrak Pusat. Peluang sedemikian akan membuka peluang kepada Pertubuhan-pertubuhan Peladang mendapat bekalan daripada petani-petani sendiri. Keuntungan yang diperolehi boleh disalurkan balik kepada aktiviti-aktiviti yang produktif kepada petani-petani. Ini tidak, ada dalam mulut peladang pun dikorek ambil. Apalah gunanya dan ertinya kalau di satu saat kita dengar pemimpin-pemimpin kita memuji peladang setinggi langit kononnya

"peladang nadi negara" dan berbagai-bagai lagi pujian, sedangkan di satu saat yang lain pula peladang-peladang terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi dan kadangkala dengan syarikat-syarikat anak emas Menteri untuk mendapatkan satu-satu tawaran. Kalaulah kaedah ini diteruskan saya yakin sampai "kucing bertanduk" pun, peladang-peladang kita akan duduk di takuk lama.

Tuan Yang di-Pertua, negara sekarang ini mengimport lebih daripada \$3 billion nilai makanan daripada luar negeri. Kebanyakan daripada items yang diimport ini boleh dikeluarkan oleh petani-petani negara ini sendiri. Sekadar menyedari dan menyesali keadaan ini adalah tidak mencukupi. Saya amat kecewa sekali dengan keadaan sedemikian kerana potensi yang begitu besar tidak digalakkan dengan sepenuhnya oleh Kerajaan untuk faedah petani-petani kita.

Saya kurang yakin sama ada sekarang ini kita mempunyai satu polisi yang consistant dari segi usaha-usaha untuk mengataknkan pengeluaran di dalam negara untuk menggantikan import ini. Sekadar memberi maklumat dan kesedaran kepada petani-petani kita bahawa negara mengimport \$3 billion nilai makanan dan menyeru petani-petani supaya berusaha menanam tanaman yang bolch menggantikan import adalah tidak mencukupi. Kerajaan terutamanya Kementerian Pertanian hendaklah mempunyai satu program khas untuk tujuan menggantikan import ini.

Petani-petani hendaklah diberikan galakan dari segi kemudahan-kemudahan kredit pengeluaran, pemerosesan, pemasaran dan juga subsidi galakan supaya dapat bertanding dengan barang-barang yang diimport.

Saya sebenarnya sungguh kecewa dengan keadaan yang wujud sekarang

ini di mana kesempatan yang sepatutnya boleh digunakan oleh petani-petani kita terlepas begitu sahaja kerana tidak mampu bertanding dengan bahan-bahan yang diimport di mana kosnya lebih murah.

Satu contoh yang terang dan nyata ialah jagung. Negara mengimport beratus juta ringgit jagung dari negara jiran. Pada hakikatnya jagung adalah satu tanaman yang paling mudah untuk ditanam dan amat sesuai dengan sikap kebanyakan petani-petani kita. Tetapi petani-petani kita tidak dapat mengambil peluang ini kerana kos pengeluaran kita tinggi dan tidak dapat bertanding dengan jagung yang diimport dari negara jiran yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah. Kerajaan hendaklah mempunyai satu program yang khusus untuk tanaman jagung ini dan satu skim galakan petani-petani untuk menanam jagung hendaklah diadakan, jangan cakap sahaja.

Di dalam Dewan yang mulia ini saya ingin membawa satu lagi isu yang sungguh hangat di kalangan penanam-penanam padi. Saya ingin terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana telah memindahkan LPN kepada Kementerian Pertanian. Pemindahan ini akan membuka satu lembaran baru di dalam sejarah LPN yang tidak pernah sunyi daripada masalah semenjak ianya ditubuhkan. Pemindahan ini adalah penting. Memang tepat dan saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan.

Namun demikian, saya juga mempunyai kesangsian sama ada pemindahan ini akan membawa lebih banyak faedah kepada petani-petani, terutamanya kepada pesawah-pesawah memandangkan terdapat berbagai agensi di bawah Kementerian Pertanian.

Salah satu kelemahan LPN di masa-masa lepas ialah kerana ianya berfungsi secara bebas tanpa

kerjasama yang erat daripada berbagai agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian oleh kerana LPN berada di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

LPN akan dapat berfungsi dengan lebih berkesan sekiranya agensi-agensi lain memberi sokongan kuat di samping Pertubuhan-pertubuhan Peladang sendiri menyusun kerja-kerja pemasaran di peringkat ladang.

LPN hendaklah menggunakan Pertubuhan-pertubuhan Peladang kawasan sepenuhnya di dalam kegiatan membeli padi daripada petani-petani dengan melantik Pertubuhan Peladang sebagai agen membeli, mengering dan menyimpan padi yang dibeli. Masalah yang sering dibangkitkan oleh petani-petani mengenai LPN ialah soal kupon subsidi.

Saya tidak bercadang untuk menghuraikan dengan panjang lebar apakah masalah kupon subsidi ini, sekadar mengatakan bahawa terdapat banyak rungutan daripada petani-petani mengenai masalah ini.

Bagi mengatasi masalah ini saya ingin mencadangkan supaya LPN mengadakan satu perbincangan khusus dengan Pertubuhan-pertubuhan Peladang Kawasan bagi mengurangkan masalah ini. Dari masa ke semasa kita sering mendengar Kerajaan menggalakkan petani-petani supaya mengusahakan tanah dengan sepenuhnya, terutama sekali tanah terbiar.

Kadang-kadang saya sendiri begitu hairan apakah petani-petani kita begitu malas hinggalakan membiarkan tanah-tanah mereka tidak diusahakan walaupun hidup mereka di dalam kemiskinan? Perkara ini sebenarnya nampak mudah tetapi amat rumit dari segi perlaksanaannya. Kebanyakan daripada tanah-tanah terbiar tidak diusahakan adalah tanah-tanah yang bermasalah sama ada dari physical

constraint dengan izin, seperti kekurangan air, tanah masam atau lain-lain taktor fizikal atau masalah-masalah sosial seperti absentee landlord, dengan izin.

Untuk menghukum bahawa petani-petani kita malas membiarkan tanah-tanah terbiar adalah suatu yang boleh hanya dilakukan setelah penyiasatan dibuat akan sebab-sebab tanah itu terbiar. Kerajaan mestilah mempunyai satu polisi yang consistent mengenai pembangunan tanah terbiar dan polisi tersebut tidak boleh berubah-ubah mengikut selera politik ataupun dijadikan isu mengikut political climate. Kerajaan mesti menggubal satu polisi yang comprehensive, jangka panjang kerana hasil daripada pembangunan pertanian tidak boleh dinilai dalam masa yang singkat.

Proses penilaian kemajuannya hendaklah dilihat di dalam tempoh yang panjang dan secara comprehensive merangkumi aspek-aspek economy, physical, environment dan juga faedah-faedah sosial. Ukuran kejayaan tidak semestinya dari segi ekonomi semata-mata kerana pembangunan tanah terbiar banyak melibatkan faktor-faktor sosial.

Sebagai seorang yang berasal dari kampung yang sekarang ini menjadi khadam rakyat, saya sentiasa beranggapan bahawa petani-petani sentiasa responsive kepada perubahan sekiranya kaedah atau methodology serta pendekatan kepada masalah mereka dibuat dengan betul.

Kejayaan FELDA dan FELCRA menempatkan berpuluh-puluh ribu peneroka yang dulunya dianggap petani marginal di dalam rancangan-rancangan tanah serta membawa kejayaan sekaligus menghapuskan pandangan bahawa petani-petani kita tidak responsive kepada technological changes atau tidak receptive kepada teknologi moden. Saya percaya petani-petani yang masih tinggal di

sektor tradisional sekiranya diberi bantuan dan pendekatan yang betul mereka akan dapat mengubah cara-cara perladangan mereka. Kerajaan hendaklah berusaha mengurangkan risiko daripada usaha-usaha perladangan mereka. Kemungkinan risiko faktor alat dapat kurangkan melalui skim insurans petani yang memberi perlindungan kepada petani-petani sekiranya terjadi kerosakan tanaman akibat faktor-faktor semulajadi.

Kerajaan juga perlu mengkaji peranan FAMA untuk mengurangkan risiko harga pasaran. FAMA harus memasuki pasaran secara agresif, menjamin harga pasaran hasil pertanian tertentu kepada petani-petani tradisional, bukan sekadar menjadi matchmaker, menemukan penjual dengan pembeli dengan harga yang ditentukan oleh pihak pembeli selaras dengan harga pasaran. FAMA harus membeli, memproses dan menjual kepada pengguna. Kerajaan sepatutnya menyediakan lebih banyak peruntukan kepada FAMA. Untuk tujuan ini bukan sekadar menyediakan peruntukan wang bagi membayar gaji pegawai FAMA bagi memainkan peranan matchmaker sahaja.

Saya sungguh berasa gembira dan ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memperuntukkan Belanjawan yang terbesar untuk pendidikan dan kesihatan. Ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dan kesihatan rakyat untuk pembangunan negara. Saya gembira bahawa peruntukan wang yang terbesar akan digunakan untuk pembangunan sekolah terutama di luar bandar. Walau bagaimanapun, saya mengharapkan bahawa peruntukan yang sewajarnya diberi kepada universiti-universiti tempatan untuk menambah bilangan mahasiswa-mahasiswi dan mengurangkan penghantaran penuntut-penuntut ke luar negeri. Usaha sebegini akan dapat mengurangkan perbelanjaan dan

kehilangan pertukaran wang asing. Sungguhpun bilangan siswazah yang menganggur adalah besar, ini tidak bermakna kita patut mengurangkan bilangan mahasiswa-mahasiswi. Apa yang patut dilakukan ialah menambah bilangan mahasiswa di dalam bidang-gunaan seperti di dalam bidang-bidang sektor kesihatan. Kursus-kursus yang dikendalikan di dalam bidang ini haruslah dipertingkatkan ke taraf ijazah. Mereka ini kalau pun tidak dapat bekerja dengan kerajaan nanti, boleh juga bekerja dengan swasta atau persendirian.

Negara kita masih kekurangan pakar-pakar di dalam bidang perubatan. Banyak hospital Kerajaan yang saya percaya langsung tidak ada pakar. Baru-baru ini saya dengar Kementerian Kesihatan bercadang melatih jururawat untuk memberi bius oleh kerana bilangan pakar bius amat kecil. Saya ingin bertanya, adakah ini hendak dijalankan sungguhkah ini? Sejauh mana yang saya tahu bius ini merbahaya juga kalau tidak kena pada gayanya. Yang saya tahu, biasanya bius ini diberi oleh doktor. Saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk melatih lebih ramai pakar dalam semua bidang dan memberi segala kemudahan kepada universiti-universiti tempatan untuk melatih pakar-pakar di dalam negara.

Baru-baru ini saya terkejut mendengar kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan melenting dan telah menyatakan bahawa universiti-universiti mahu bermaharajalela; beri betis hendak peha mengenai isu Hospital Besar Cawangan Cheras.

Saya hendak bertanya, betis dan paha dari tubuh badan siapa? Bukankah universiti mengeluarkan doktor-doktor dan pakar untuk keperluan negara. Pakar-pakar juga memberi perkhidmatan kepakaran di hospital-hospital. Saya harap Kerajaan akan mengambil segala

langkah yang wajar untuk memberi segala keperluan dan galakan kepada universiti tempatan kita supaya dapat menghasilkan doktor-doktor dan pakar-pakar yang baik dan terlatih. Sepatutnya kita berusaha memberi sokongan yang tidak terhad kepada universiti-universiti dalam usaha mereka ini. Saya berharap Timbalan Menteri berkenaan tidak akan membuat kenyataan yang boleh menggaris hati kecil pihak-pihak yang mahu menyumbang kepada pembangunan negara, di antara universiti-universiti tempatan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak mempunyai hospitalnya sendiri.

Saya menggesa Kerajaan supaya Universiti Kebangsaan Malaysia diberi hospital di Cheras untuk dijadikan hospital pendidikan dan berkembang bukan hanya sebagai sebuah hospital pengajar tetapi juga akan memberi khidmat untuk rakyat di kawasan Cheras. Hospital Besar Kuala Lumpur sekarang sudah terlalu ramai dan pesakitnya terlalu sesak. Walaupun peruntukan kepada pendidikan dan kesihatan adalah besar, saya dapati peruntukan untuk pembangunan bagi kesihatan adalah kecil.

Saya setuju pembangunan di luar bandar patut diberi keutamaan tetapi janganlah kita lupa bahawa di bandar juga ramai rakyat yang tidak mampu pergi ke hospital swasta dan perlu mendapat rawatan di hospital Kerajaan.

Di dalam hal ini saya ingin menggesa Kementerian Kesihatan mempercepatkan pembangunan hospital kanak-kanak—children's hospital. Projek ini sudah lama terbengkalai hampir 10 tahun walaupun piling sudah dibuat tetapi saya nampak pokok-pokok tumbuh lebih cepat daripada tiang bangunan dan sekarang ini pula lebih tinggi daripada pilingnya.

Kita harus sedar sebilangan besar penduduk kita adalah golongan kanak-kanak, kalau tidak salah saya, dalam lingkaran 40% dan ramai perlu dirujuk untuk rawatan kepakaran. Kalau kita boleh bangunkan Jambatan Pulau Pinang dan Projek Dayabumi, tidak mampukah kita bangunkan sebuah hospital kanak-kanak yang tunggal di negara kita ini, sedangkan di Bangladesh yang kalau tidak kaya dari Malaysia pun sudah mempunyai dua hospital kanak-kanak. Untuk menyambung cerita kanak-kanak ini, tahukah Kementerian Kesihatan bahawa ada orang-orang tertentu yang rancak nasihat dan mempengaruhi ibubapa, terutamanya dari kampung untuk tidak memberi pelalian, imunisasi kepada kanak-kanak. Apakah tindakan Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini? Saya bimbang jika sekiranya tidak diambi! langkah yang cepat untuk mengatasi masalah status kesihatan penduduk akan kembali ke taraf tahun 30an di mana ramai kanak-kanak mati kerana penyakit berjangkit. Kalau macam ini keadaannya macam mana kita hendak sampaikan bilangan 70 juta rakyat yang diidamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya amat gembira kerana Kerajaan telah menubuhkan sebuah Kementerian khas untuk pelancongan dan ini membuktikan yang Kerajaan memang serius untuk memajukan pelancongan yang telah diharapkan bukan sahaja menambahkan pendapatan negara, malahan menambahkan lagi peluang bekerja kepada belia tempatan. Apatah lagi dengan terlantiknya Menteri berkenaan yang memang kena pada tempatan, tepat sekali pilihannya, orang yang boleh sesuai kepada semua keadaan dan selaras, 24 jam evergreen, syabas.

Saya dapati setelah ditubuh Kementerian ini, selain daripada Menteri dan Setiausaha Parlimennya

kelihatan lebih muda malahan banyak program-program telah dijalankan di peringkat negeri dan negara, termasuklah yang terakhir sekali "Malaysia Fest 1987" yang harus diberi pujian bukan sahaja kepada Kerajaan malah penglibatan dari syarikat swasta.

Apa yang hendak saya bangkitkan di sini ialah usaha memajukan perusahaan pelancongan ini mestilah dijalankan secara realistik dan serius bukan secara hipokrit. Realistik maksud saya ialah kita hendaklah adakan kemudahan-kemudahan mengikut selera pelancong dan yang boleh menarik pelancong. Masakan pelancong mahu datang beribu-ribu batu ke Langkawi umpamanya hanya untuk minum air gamat ataupun untuk makan beras terbakar. Masakan pelancong terbang beribu batu ke Pulau Pinang dan bila buka peti sejuk di hotel yang ada hanya 7-up dan cocacola.

Saya seorang Islam dan saya mahu mati dengan izin Allah dalam iman sebagai seorang Islam yang bertakwa. Saya tidak cuba menghalalkan benda-benda yang haram. Tetapi apa yang saya suka syorkan kalau kemudahan yang hendak dibuat itu haram, biarlah kemudahan itu dicadang, diusaha dan dimajukan oleh orang-orang bukan Islam untuk orang bukan Islam, yang dibuat seperti di Genting Highland, apa salahnya. Masakan minyak dan air dapat dicampurkan. Hipokrit maksud saya ialah mereka yang bercakap di satu saat berapi-api fasal pembangunan pelancongan, kita harus adakan itu, kita harus adakan ini, tetapi di saat yang lain pula orang yang sama juga mendesak ditutup Night Club, ditutup segala tempat-tempat, tutup itu dan tutup ini dan sebagainya. Mereka ini juga bila hadir di majlis-majlis bacaan Al-Quran, belum pun sampai pukul 9 malam, mata mula kuyu menguap dan mengantuk, tetapi bila mereka berada

di Night Club saya tidak pernah pergi ke Night Club, Tuan Yang di-Pertua—wah! bukan main lagi sampai pagi pun masih segar matanya. Mata bertambah terbuka dan terang.

Bercakap fasal Night Club pula, teringat saya pada kawan-kawan saya dari negara Islam yang masuk ke Night Club. Di luar Night Club, mereka dengar bunyi muzik dan tengok perempuan menari, mereka berkata masya Allah, bila masuk dalam Night Club dan ada teman wanita duduk di atas ribanya, alhamdulillah (*Ketawa*), dan lepas keluar daripada Night Club, astaghfirullah. Bukankah itu hipokrit namanya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin tujuan utama pelancong-pelancong yang datang ke negara ini bukan semata-mata untuk melihat keindahan alam semulajadi Malaysia. Yang ingin benar mereka lihat dan nikmati ialah cara hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan berbilang agama dan berbilang kebudayaan dapat hidup di bawah satu bumbung dalam suasana aman dan harmoni. Sikap sopan-santun, budi-bahasa, tegur-sapa dan peramah dari rakyat Malaysialah yang menjadi tarikan kuat kepada pelancong-pelancong asing. Oleh yang demikian, saya ingin menegur melalui Dewan yang mulia ini supaya rakyat menyedari hakikat ini dan janganlah bebankan tugas memajukan pelancongan ini kepada Kerajaan sahaja, malahan ini adalah tanggungjawab kita bersama. Tugas tiap-tiap rakyat Malaysia yang cinta dan taat setia kepada bumi bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan ringkas saya buat pertama kalinya di Dewan yang mulia ini dan akhir sekali saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kimanis.

6.01ptg.

Tuan Nurnikman bin Abdullah (Kimanis): Tuan Yang di-Pertua, terJebih dahutu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Belanjawan bagi tahun 1988 yang mana telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober yang lalu.

Selaku ahli Kerajaan, saya berpendapat Belanjawan bagi tahun 1988 adalah merupakan satu Belanjawan yang realistik dan sederhana, sesuai dengan keadaan ekonomi negara pada masa ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana berjaya membentangkan satu Belanjawan yang merupakan, dengan izin, growth-oriented, yang tidak begitu membebankan rakyat. Dalam keadaan ekonomi yang masih mencabar Kerajaan haruslah bersikap sederhana dalam semua aspek dan hendaklah mengambil kira kemampuan kita serta faktor-faktor yang melibatkan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan struktur Belanjawan tahun hadapan di mana adalah dianggarkan sejumlah \$28,121 juta diperuntukkan bagi mengukuhkan proses pemulihan ekonomi negara serta bertujuan untuk meningkatkan kecekapan industri-industri dan juga untuk memperbaiki kewangan di sektor awam.

Hasil negara pada tahun depan pula adalah dianggarkan berjumlah \$20,834 juta. Walaupun ini adalah kurang daripada perbelanjaan yang dicadangkan, namun jumlah itu merupakan jumlah yang realistik berdasarkan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan hasil, khususnya di

bidang petroleum dan juga penjualan saham MAS dan juga MISC kepada Bank Negara.

Mengenakan semula cukai jualan terhadap barang-barang makanan dan barang-barang tertentu seperti simen dan bahan-bahan binaan lain memang wajar dan harus diterima oleh rakyat. Ini bukan sahaja akan mengurangkan import, tetapi juga akan meningkatkan lagi hasil negara. Walau bagaimanapun, saya khuatir kesan sampingan daripada cukai jualan terhadap bahan binaan seperti simen, besi dan lain-lain akan melemahkan lagi industri perumahan di seluruh negara. Ini sedikit-sebanyak akan menjejaskan usaha Kerajaan untuk membina rumah-rumah dalam kos yang rendah. Harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta juga sudah pasti akan meningkat ke suatu paras di luar kemampuan para pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu punca hasil negara ialah pelaburan baik daripada pelaburan asing ataupun tempatan. Kerajaan telah dan sedang melipatgandakan usaha untuk menarik pelabur di Malaysia. Walaupun pertumbuhan pelaburan agak lembab dan tidak secepat yang kita harapkan, namun pelaburan di Malaysia telah pun mula menunjukkan kesan positif. Ini adalah disebabkan oleh kedudukan ekonomi kita yang stabil.

Cadangan Kerajaan untuk menghapuskan cukai keuntungan berlebihan terhadap syarikat-syarikat yang memperoleh pendapatan dikenakan cukai melebihi \$2 juta adalah amat menggalakkan. Ini bukan sahaja boleh menggalakkan pertumbuhan pelaburan, tetapi juga akan memberi faedah yang besar kepada syarikat-syarikat yang ada di Malaysia. Walaupun secara kasar negara kita akan mengalami kerugian sebanyak \$140,000 juta pada tahun hadapan, iaitu 1988, adalah

diharapkan ramai pelabur-pelabur baru akan melabur dan pelaburan semula oleh syarikat-syarikat yang ada di Malaysia pada hari ini.

Walaupun demikian, saya berpendapat cukai secara maksimum sebanyak 45% yang dikenakan kepada syarikat-syarikat masih berada di paras yang tinggi. Oleh yang demikian, walaupun cukai keuntungan berlebihan sebanyak 3% dihapuskan, saya percaya masih lagi ada pelabur-pelabur yang enggan membuat pelaburan di Mataysia. Jika ini berlaku, pertumbuhan pelaburan yang diharapkan tidak mungkin tercapai, ditambah pula dengan pengurangan hasil sebanyak \$140,000 juta akibat penghapusan 3% cukai keuntungan yang berlebihan. Kerajaan akan menanggung defisit yang lebih besar lagi pada tahun 1988 dan tahun-tahun seterusnya.

Sehubungan dengan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan menimbangkan untuk mengkaji lagi struktur cukai syarikat di Malaysia. Cukai pendapatan sebanyak 40% hendaklah dikekalkan tetapi cukai pembangunan sebanyak 5% hendaklah dikaji semula.

Saya mencadangkan cukai pembangunan diturunkan daripada 5% kepada 3% iaitu diturunkan sebanyak 2%. Memandangkan usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam pembangunan negara adalah begitu menyeluruh, syarikat-syarikat yang juga turut memainkan peranan yang penting ke arah ini. Dalam lain perkataan, pelaburan merupakan satu perkara penting dalam menjamin pembangunan negara. Pesat pelaburan maka pesatlah pembangunan dan jika pelaburan lembab pembangunan negara akan berada di satu tahap yang kurang memuaskan.

Banyak masalah seperti pengangguran tidak dapat diatasi. Dengan penurunan cukai

pembangunan sebanyak 2%, syarikat-syarikat hanya dikenakan cukai maksimum sebanyak 43%. Ini amat menggalakkan bukan sahaja kepada pelabur tetapi juga pelaburan asing. Secara tidak langsung dengan bertambahnya jumlah pelabur asing, negara akan meningkat. Saya mengalu-alukan rancangan Kerajaan untuk melanjutkan tempoh kuatkuasa elaun pelabur semula selama dua tahun lagi daripada tahun 1988 hingga kepada tahun 1990 dan juga menaikkan kadar elaun pelaburan semula daripada kadar 25% kepada 40%. Ini adalah satu langkah yang wajar di mana pelaburan semula adalah digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan Kerajaan untuk mengadakan skim bayaran ansuran cukai pendapatan bagi syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga adalah dialu-alukan. Ini akan dapat memudahkan lagi syarikat dan peniaga yang terlibat membayar cukai mereka secara ansuran dengan tidak membebaskan mereka. Ini juga akan memberi peluang kepada syarikat dan peniaga yang berkenaan merancang serta mengurus hal ehwal kewangan mereka dengan rapi dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan untuk mengurangkan gaji permulaan kakitangan Kerajaan yang baru diambil demi untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan adalah disambut dengan baik. Sepertimana kita sedia maklum, kadar pengangguran di Malaysia adalah tinggi, tiap-tiap tahun berpuhuluh ribu lepasan sekolah termasuk graduan-graduan telah memasuki pasaran buruh. Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi Kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Pihak swasta juga tidak mampu berbuat demikian disebabkan tekanan ekonomi hari ini. Oleh yang demikian, skim mengurangkan gaji permulaan ini adalah salah satu cara yang baik dan

berkesan untuk mengatasi masalah pengangguran. Saya percaya ramai yang bersedia berkerja dengan gaji yang rendah daripada tidak mempunyai apa-apa pekerjaan. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah membuat kajian yang terperinci dan mengkaji semula mengenai pengambilan baru ataupun jumlah kekosongan yang ada dan yang perlu diisi. Kerajaan tidaklah seharusnya mengambil pekerja-pekerja ataupun kakitangan baru semata-mata untuk mengurangkan pengangguran ataupun hendak menjayakan skim ini tanpa mengambil kira kemampuan Kerajaan untuk membayar gaji.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun Kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang banyak untuk membangunkan negara. Ini termasuklah juga peruntukan bagi negeri-negeri di Malaysia dalam berbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan tenaga elektrik luar bandar, bekalan taliair, kemudahan telefon dan juga pembinaan serta pembaikan jalanraya. Pada tahun depan kita dapati peruntukan bagi maksud yang sama juga diberi perhatian yang sewajarnya. Sebagai contoh Kerajaan telah menambah peruntukan perbelanjaan pembangunan di dalam Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$2 ribu juta dan sebanyak \$750 juta adalah diperuntukkan bagi tahun 1988. Daripada tambahan \$2 ribu juta ini sejumlah besar iaitu \$483 juta adalah diperuntukkan bagi sektor pertanian dan sebanyak \$364 juta bagi pembinaan dan pembaikan infrastruktur di luar bandar dan \$210 juta adalah untuk pendidikan, khasnya pembinaan sekolah, hostel dan kampus-kampus universiti.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sektor yang saya sebutkan tadi telah diberikan peruntukan yang agak

besar, saya merasa dukacita kerana banyak kawasan-kawasan di luar bandar khasnya di negeri Sabah yang masih lagi jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang ada di Semenanjung. Banyak kawasan di luar bandar masih lagi belum mempunyai atau dibekalkan dengan keperluan dan kemudahan asas. Walaupun Sabah telah merdeka menerusi Malaysia selama 25 tahun dan dalam tempoh 25 tahun ini walaupun ada sedikit-sebanyak kemajuan yang dicapai di Sabah, namun lebih banyak lagi yang harus dilaksanakan demi untuk mencapai kedudukan yang lebih seimbang dan memuaskan. Misalnya, taraf pencapaian murid-murid sekolah di Semenanjung adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan taraf pencapaian oleh rakan-rakan mereka di Sabah dan Sarawak, sekalipun mereka menggunakan buku teks yang sama dan diajar oleh guru-guru yang terlatih.

Salah satu sebab mengapa kejadian seumpama itu boleh berlaku ialah kekurangan kemudahan pelajaran seperti buku-buku teks, bangunan sekolah dan bilik darjah yang tidak mencukupi dan ada yang sudah terlalu usang untuk dijadikan sekolah. Kekurangan guru-guru yang mahir dan terlatih juga adalah punca merosotnya taraf pencapaian oleh murid-murid di Sabah dan Sarawak.

Kadangkala sikap guru-guru yang tidak mahu bertugas di daerah-daerah luar bandar juga adalah merupakan satu masalah yang besar. Di bidang kesihatan pula, Tuan Yang di-Pertua, Sabah tidak ketinggalan dalam menghadapi masalah seperti kekurangan doktor dan alat-alat perubatan yang cukup bagi rumah sakit daerah. Kekurangan ubat-ubat bagi jenis penyakit yang tertentu dan yang lebih mendesak lagi ialah kekurangan bangunan-bangunan hospital di daerah-daerah yang

membangun di Sabah, khususnya di kawasan pedalaman seperti kawasan Kimanis dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya sebutkan tadi telah pun berterusan dari satu tahun ke satu tahun tanpa ada sebarang penyelesaian yang positif. Semenjak merdeka hingga ke hari ini Sabah mempunyai 3 Kerajaan Negeri di mana masing-masing telah pun berikhtiar untuk membangunkan negeri Sabah dan menempatkannya setaraf dengan negeri-negeri di Semenanjung, walaupun sedikit sebanyak mencapai kejayaan namun masih lagi banyak yang harus dilaksanakan sebelum matlamat ini boleh tercapai. Apa yang menjadi tanda tanya di kalangan rakyat, khususnya di Sabah ialah di mana salah dan silapnya dan siapakah yang harus dipersalahkan. Walaupun tidak ada sebarang jawapan yang boleh diterima, kita haruslah bersikap sederhana dalam menghadapi masalah ini.

Saya mencadangkan supaya sistem implementasi yang digunakan masa kini dikaji serta diubahsuai mengikut peredaran zaman. Harus juga diambil kira bahawa apa yang sesuai di Semenanjung mungkin tidak sesuai dan memberi sebarang kesan di Sabah. Bukan semua yang mendatangkan hasil di Semenanjung boleh berjaya juga di Sabah. Sabah dan Semenanjung adalah dua kawasan yang berasingan yang mempunyai latarbelakang dan ciri-ciri yang terasing. Oleh yang demikian, apabila merancang sesuatu program baik di bidang pendidikan, kesihatan ataupun di bidang-bidang yang lain keperluan dan juga perkara-perkara yang ada sehubungan dengan kepentingan penduduk di kawasan atau daerah berkenaan mestilah diambil kira. Ini akan membolehkan mereka menyedari dan mewujudkan sesuatu program dengan melibatkan

penyertaan mereka ataupun sekurang-kurangnya untuk pengetahuan mereka agar mereka faham akan maksud dan tujuan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak ada angka yang terbaru mengenai kemiskinan di Sabah, namun taraf kemiskinan di Sabah adalah agak tinggi jikalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Sebilangan besar rakyat Sabah terutama sekali yang tinggal di luar bandar adalah mereka yang berpendapatan kurang daripada \$300 sebulan. Mereka merupakan petani, nelayan dan pekebun-pekebun kecil. Walaupun ada berbagai-bagai program Kerajaan Negeri tidak dapat berbuat lebih daripada apa yang terdaya oleh mereka disebabkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat tidak mencukupi dan kadangkala disebabkan Kerajaan Pusat lambat mengeluarkan peruntukan bagi membiayai projek-projek tertentu di Sabah. Ini akan menyebabkan projek-projek berkenaan ditangguhkan ataupun ditunda pelaksanaannya. Ini sudah tentu mendatangkan masalah dan implimentasinya yang tidak sihat terhadap Kerajaan, baik di peringkat Negeri ataupun Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan Kerajaan untuk menaikkan kadar pinjaman daripada \$2,000 kepada \$3,000 bagi peniaga-peniaga kecil. Ini sememangnya satu usaha yang baik yang patut diterima oleh mereka yang ingin memulakan perniagaan secara kecil-kecilan, khususnya belia-belua yang menganggur. Saya mencadangkan supaya tunjuk ajar serta nasihat tentang berniaga hamslah diberikan kepada pemohon-pemohon pinjaman itu, khususnya dalam menyimpan kira-kira supaya mereka akan lebih mengetahui selok-belok berniaga. Pengawasan yang rapi haruslah dikenakan juga supaya mereka tidak terkeluar dari tujuan asal mereka dalam hal-ehwal perniagaan. Ini amat

perlu untuk memastikan mereka berjaya dalam perniagaan mereka dan seterusnya mampu membayar balik hutang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Tanpa perhubungan yang baik kita tidak mungkin mencapai matlamat kita. Di Sabah sistem perhubungan, sama ada perhubungan melalui jalanraya ataupun udara belum boleh disifatkan sebagai memuaskan. Misalnya, banyak lagi jalanraya-jalanraya belum diperbaiki ataupun diperbesarkan terutama sekali yang menghubungkan satu daerah ke satu daerah lain khususnya di pedalaman Sabah, sekalipun penduduk-penduduknya telah bertambah dan pengguna-pengguna jalanraya kian bertambah. Sebagai contoh, jalanraya dari Beaufort ke Kuala Penyu dan terus ke Manumbok masih lagi berkeadaan yang kurang memuaskan dan walaupun telah berkali-kali disuarakan di Dewan yang mulia ini namun belum nampak sebarang tindakan yang positif. Dengan teraksananya projek bekalan air dari Beaufort ke Kuala Penyu serta ke Labuan, saya mencadangkan supaya Kementerian Kerjaraya memberikan keutamaan projek jalanraya ini.

Mengenai perhubungan udara pula, saya berpendapat perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) belum boleh dikatakan memuaskan, masih terdapat berbagai kelemahan, terutama sekali di bidang pengendalian penumpang-penumpang. Pengendalian barang-barang penumpang seperti beg dan kargo, check-in counter, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kadangkala kurang teratur menyebabkan kaunter-kaunter penuh sesak dan penumpang terpaksa menunggu masa yang lama untuk giliran mereka. Beg-beg penumpang kadangkala tersalah label menyebabkan beg-beg tersebut dihantar ke destinasi yang lain.

Kadangkala penumpang dikenakan bayaran yang lain berat ataupun excess baggage, dengan izin, Tuan Yarik di-Pertua, walaupun kelebihan itu hanya beberapa kilo sahaja. Ini amat menyulitkan penumpang terutama sekali bila mereka tidak mempunyai lebih wang untuk membayar excess baggage itu. Di samping itu sikap sombong beberapa orang kakitangan MAS terutama sekali di kaunter-kaunter amat mendukacitakan. Ini boleh menjejaskan imej dan nama baik MAS.

Mengenai soal tambang pula khususnya tambang di antara Semenanjung Sabah dan Sarawak, MAS masih boleh mengkaji semula dan membuat perubahan yang munasabah selaras dengan kehendak aspirasi rakyat demi untuk mempercepatkan proses integrasi nasional.

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, MAS haruslah menerima apa jua bentuk komen dan cadangan termasuklah kritik yang dibuat oleh rakyat termasuk ahli-ahli politik. Hanya dengan kritik yang membina maka barulah MAS boleh menyedari apa-apa bentuk kelemahan dan hendaklah berusaha untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan itu.

Adalah tidak munasabah bagi MAS hanya memikirkan keuntungan semata-mata tanpa mengira aspek lain-lain seperti integrasi nasional yang juga penting.

Sebagaimana yang kita ketahui MAS telah menerima kerugian besar di Sabah dan Sarawak dan hanya mencatatkan keuntungan melalui perkhidmatan antarabangsa. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya MAS memberhentikan sahaja perkhidmatan ini di Sabah dan Sarawak dan membenarkan Penerbangan Sabah mengambilalih

perkhidmatan di dalam negeri Sabah dan Sarawak. Ini akan menjimatkan MAS serta juga memberi peluang untuk Penerbangan Sabah mengambilalih perkhidmatan di Sabah dan Sarawak. Jika cadangan ini boleh diterima ia akan mendatangkan faedah yang besar kepada kedua-dua belah pihak iaitu MAS dan Penerbangan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sedikit sebanyak menyentuh tentang keselamatan negara khususnya di Sabah. Peruntukan Keselamatan dan Polis Diraja berjumlah \$3.1 ribu juta bagi tahun 1988 boleh dianggap sebagai sederhana.

Keselamatan negara adalah amat penting dan harus diberi perhatian. Jika keadaan negara kita tidak aman pertumbuhan ekonomi akan terjejas. Di Sabah sungguhpun berbagai-bagai usaha telah pun dan sedang dijalankan oleh pihak Polis dan Tentera masih juga terdapat berbagai-bagai masalah seperti merompak, serangan lanun di perairan Sabah dan penyeludupan seperti dadah dan lain-lain. Hampir kesemua penjenayah-penjenayah ini adalah orang pendatang. Oleh itu saya meminta pihak Polis dan Tentera termasuk Polis Laut supaya melipatgandakan usaha mereka untuk mengatasi masalah ini. Polis Laut dan Tentera Laut Diraja Malaysia yang berpangkalan di Sabah hendaklah menubuhkan satu Task Force ataupun Pasukan Petugas dan memperhebatkan rondaan mereka di perairan Sabah khususnya di Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Sempoma, kerana tempat-tempat ini selalu sahaja diserang lanun ataupun penjenayah-penjenayah yang menyerang dari laut seperti yang terjadi baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Belanjawan bagi tahun 1987, Belanjawan bagi tahun 1988 juga membawa kesan positif dan negatif. Walau bagaimanapun, sebagai rakyat

yang sama-sama berharap agar proses pertumbuhan ekonomi berjalan dengan baik, kita haruslah melihatnya dari segi faedah keseluruhan Belanjawan ini.

Saya rasa banyak kebaikan yang dapat kita capai walaupun setengah-setengah sektor merasa dukacita dengan cukai jualan yang dikenakan semula. Matlamat kita ialah untuk mengukuhkan kewangan negara menerusi pertumbuhan ekonomi. Ini hanya akan tercapai jika Kerajaan boleh meningkatkan hasil negara dan tidak membebankan rakyat.

Saya yakin rakyat akan dapat menerima Belanjawan ini dengan hati yang terbuka tanpa ada sebarang masalah. Ini sudah tentu akan memudahkan lagi usaha Kerajaan ke arah memperbaiki kedudukan ekonomi kita demi kepentingan kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon menyokong Belanjawan bagi tahun 1988 ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari SibU.

6.26 *ptg.*

Tuan Tieu Sung Seng (Sibu); Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk membahaskan Ucapan Belanjawan tahun 1988 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb Oktober, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1975 manakala Malaysia mengadakan hubungan diplomat dengan negeri China, dasar Malaysia terhadapnya, baik dari segi politik mahupun dari segi perdagangan, masih dijalankan sekarang seperti yang dimaksudkan pada masa 12 tahun dahulu. Dasar itu adalah tidak sesuai lagi jika memandangkan keadaan-keadaan dan iklim politik yang berada pada masa ini, khususnya di rantau Asia Tenggara.

Kita telah pun rugi besar akibat dasar dan sekatan-sekatan yang dikenakan itu kerana kegagalan Malaysia dalam persaingan perdagangan yang hebat untuk memenangi pasaran Cina yang terbesar di dunia. Masa telah tiba untuk Malaysia mengkaji semula dasar itu dan mengubahsuainya. Kita tidak patut bersikap terus sebagai burung ostrich. Malaysia semestinya hapuskan dengan tidak berlengah-lengah segala sekatan yang dikenakan atas perbuatan perjalanan ke negeri China oleh peniaga-peniaga Malaysia dan musnahkan sekaligus syarat-syarat yang dikenakan atas import-import dan eksport-eksport di antara Malaysia dan China. Pengubahsuaian ini barulah sesuai dengan dasar perdagangan bebas yang kita amalkan, dan ianya tentu akan menguntungkan Malaysia dengan impact yang besar sekali. Jikalau semua warganegara China seorang sehari memakan 1/2 auns majerin buatan Malaysia, kita semua akan menjadi orang kaya!

Kerajaan, khususnya Special Branch, dengan izin, memang sedar bahawa belum pernah ada seorang Malaysia yang telah melawat negeri China mengatakan China lebih baik daripada Malaysia dipandang dari apa segi pun dan sebaliknya hampir semua pelawat ke China sentiasa mendengar orang-orang komunis mengatakan mereka tidak suka sistem mereka dan mereka suka tinggal di Malaysia jika dibenarkan. Jadi Kerajaan tidak perlu bimbang peniaga-peniaga atau pelawat-pelawat Malaysia akan dipengaruhi oleh orang-orang komunis negeri China. Rakyat Malaysia sudah matang dan mereka memang tahu apa yang baik dan apa yang tidak baik bagi mereka.

Saya tidak sokong langsung komisen 1/2% yang dikenakan oleh PERNAS bagi segala perniagaan di antara Malaysia dan China. Ini adalah satu eksploitasi yang tidak adil dan hanya menyusahkan peniaga-peniaga dari

kedua-dua negara dan lagipun ianya membebankan rakyat sahaja. Ini pun bertentangan dengan prinsip perdagangan bebas. Pengubahsuaian yang dicadangkan itu jangan lagi ditangguhkan.

Saya yakin rakyat Malaysia adalah mempunyai kebijaksanaan yang tinggi dan mereka bolehlah dipercayai dan pasti dibenarkan melawat negeri China tanpa sekatan sebagai yang dilayan apabila mereka melawat negara-negara yang lain.

Pada pendapat saya, Kerajaan Malaysia perlu ada keberanian yang mencukupi, tindakan-tindakan yang lebih positive dan aggressive, dengan izin, dan kebijaksanaan yang sama.

Di negara kita, sistem memberi tawaran ration makanan bagi sekolah-sekolah berasrama oleh Lembaga Tawaran Persekutuan adalah sangat tidak memuaskan. Akibatnya peruntukan yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran bagi setiap murid pun sebenar-benarnya banyak dikurangkan. Sebahagian yang besar, barangkali tidak kurang daripada 50%nya, didapati malangnya telah masuk ke poket-poket ahli politik, orang tengah, kontraktor dan sebagainya. Adakah phenomenon ini dihasratkan Kerajaan? Apakah sebabnya sistem itu tidak dibatalkan? Untuk faedah, kepentingan dan kesihatan murid-murid yang berkenaan, hampir 100% adalah orang bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung hari Isnin.

Tuan Tieu Sung Seng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.